



DR 5 TAHUN 2017
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGURUSAN SYARIKAT RISDA

- KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
- PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD, ESPEK LIVESTOCK SDN BHD, RISDA BINA SDN BHD SERTA KOLEJ RISDA DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)	1-25
2	RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA	26-27
3	AGENDA MESYUARAT	
4	LAPORAN PROSIDING	
5	DOKUMEN PEMBENTANGAN	

**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD,
ESPEK PLANTATION SDN BHD, ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA
BINA SDN BHD SERTA KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN
GETAH (RISDA)**

1. PENDAHULUAN

Pengurusan Syarikat Espek Sdn Bhd (ESPEK), Espek Plantation Sdn Bhd (EPSB) dan Espek Livestock Sdn Bhd (ELSB) adalah sebahagian daripada penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 6 April 2015.

Manakala, RISDA Bina Sdn Bhd dan Kolej RISDA dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Jun 2015.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini, bersekali pada 16 Jun 2015 iaitu dalam prosiding Bilangan 40/2015.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN.

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan JAN berhubung pengurusan syarikat ESPEK, EPSB, ELSB, RISDA Bina Sdn Bhd serta Kolej RISDA bertujuan untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berikut:

- i. Memastikan peruntukan dan projek kerajaan dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang ditetapkan;
- ii. Memastikan syarikat kerajaan menjalankan aktiviti selaras dengan objektif penubuhan syarikat; dan
- iii. Memastikan syarikat kerajaan memaksimumkan pulangan pelaburan kerajaan dalam syarikat sama ada dari segi pulangan kewangan atau penyampaian perkhidmatan.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)**

3. SKOP DAN METODOLOGI.

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. Menjemput Pengarah Audit Sektor Badan Berkanun Persekutuan Jabatan Audit Negara selaku wakil Ketua Audit Negara bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan;
- ii. Memanggil pihak yang terlibat dalam pengurusan syarikat Espek Sdn Bhd, Espek Plantation Sdn Bhd dan Espek Livestock Sdn Bhd iaitu Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLBW), Ketua Pengarah (KP) Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) ESPEK Sdn Bhd, CEO ESPEK Livestock Sdn Bhd dan CEO ESPEK Plantation Sdn Bhd, untuk memberi penjelasan di hadapan Jawatankuasa ini mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- iii. Menjemput wakil dari Kementerian/Jabatan seperti Kementerian Kewangan (MoF), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Akauntan Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk hadir bersama.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

4. LATAR BELAKANG

Penerangan oleh Wakil Ketua Audit Negara.

4.1 ESPEK Sdn Bhd

ESPEK Sdn Bhd (ESPEK) ditubuhkan pada 11 Julai 1981 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan berjumlah RM250 juta dan modal berbayar berjumlah RM20 juta.

ESPEK adalah sebuah syarikat milik penuh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLBW).

Aktiviti teras ESPEK adalah sebagai agen pengurusan dan pembangunan ladang kelapa sawit, getah dan kilang milik RISDA. ESPEK juga terlibat dengan aktiviti sampingan seperti memproses dan memasarkan baja organik, menawarkan perkhidmatan analisis makmal bagi agronomi dan pengkajian tanah, menawarkan perkhidmatan ukur dan pemetaan digital (GIS) dan menguruskan Ladang Rajang Area Security Command (RASCOM) di Sibu, Sarawak.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)**

ESPEK mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi 5 tahun berturut-turut pada tahun 2009 sehingga 2013 daripada RM1.59 juta kepada RM4.11 juta.

Sehingga 31 Disember 2013, keuntungan terkumpul ESPEK berjumlah RM21.78 juta. Pengurusan aktiviti syarikat ini adalah pada tahap memuaskan berdasarkan beberapa penemuan seperti berikut:

- a. Keuntungan bersih ladang berjumlah RM146.22 juta pada tahun 2011 menurun sejumlah RM34.77 juta atau 23.8% kepada RM111.45 juta pada tahun 2012 dan menurun sejumlah RM59.12 juta atau 53% kepada RM52.33 juta pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya, disebabkan penurunan hasil jualan operasi ladang bagi 3 tahun berturut-turut yang berlaku kesan daripada penurunan harga sawit dan proses tanam semula.

- b. Prestasi kilang sawit menunjukkan penurunan bagi 3 tahun berturut-turut iaitu keuntungan pada tahun 2011 sejumlah RM10.19 juta menurun sejumlah RM6.55 juta atau 64.3% kepada RM3.64 juta pada tahun 2012. Pada tahun 2013 ia menurun lagi sejumlah RM0.74 juta atau 20.3% kepada RM2.90 juta berbanding tahun sebelumnya.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)**

Keadaan ini berlaku disebabkan kurangnya Buah Tandan Segar (BTS) yang diterima dari ladang lanjutan proses tanam semula dan banjir yang dialami.

- c. Sebanyak 12 kawasan seluas 893.71 hektar mempunyai pokok kelapa sawit berusia melebihi 25 tahun manakala terdapat 8 kawasan daripadanya mengeluarkan hasil kurang daripada 16 tan metrik sehektar disebabkan belum ditanam semula.

ESPEK telah mengambil tindakan penanaman semula selaras dengan kriteria yang ditetapkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi lapan daripada 12 kawasan yang pokoknya telah berusia melebihi 25 tahun manakala 4 kawasan lagi akan diambil tindakan pada tahun 2015.

- d. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan ESPEK bagi pemprosesan BTS bagi Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong dan Durian Mas pada kadar 45 tan metrik sejam dan kedua-dua kilang pemprosesan tersebut telah mencapai KPI yang ditetapkan.
- e. Kadar Perahan Minyak (OER) yang ditetapkan oleh ESPEK bagi setiap Kilang Risda adalah 20% dan kadar ini telah dicapai pada tahun 2014.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)**

ESPEK perlu meningkatkan keuntungan semasa atau mengurangkan kos perbelanjaan operasi supaya keuntungan syarikat meningkat berterusan. ESPEK juga perlu meningkatkan pengeluaran hasil ladang dan kilang sawit agar keuntungan bersih yang semakin menurun dapat dipertingkatkan.

RISDA dan ESPEK perlu memberi keutamaan terhadap penanaman semula bagi ladang yang mana pokok telah melebihi 25 tahun selaras dengan *Code Of Goods Agricultural Practice MPOB*.

4.2. ESPEK Plantation Sdn Bhd

4.2.1 ESPEK Plantations Sdn Bhd ditubuhkan pada 30 Julai 1998 di bawah Akta Syarikat 1965 dan dikenali sebagai ESPEK Sarawak Sdn. Bhd (ESPEK Sarawak).

Bagaimanapun, pada 29 Januari 2008, ESPEK Sarawak telah menukar nama syarikat kepada ESPEK Plantations Sdn Bhd (EPSB). EPSB merupakan syarikat subsidiari milik penuh ESPEK Sdn Bhd (ESPEK) iaitu syarikat subsidiari milik penuh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

Modal dibenarkan dan berbayar EPSB adalah masing-masing berjumlah RM25 juta dan RM6 juta. EPSB menjalankan aktiviti perladangan kelapa sawit di ladang milik RISDA.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

Antara perkhidmatan yang disediakan adalah menjalankan kerja pembangunan tanah, penuaian, pengangkutan dan pemasaran BTS serta penyelenggaraan ladang.

4.2.2. EPSB mencatat keuntungan selepas cukai berterusan bagi tahun 2009 sehingga 2013 iaitu antara RM1.27 juta sehingga RM2.37 juta dan telah berjaya mengurangkan kerugian terkumpul pada tahun 2009 daripada RM2.68 juta kepada RM310 ribu pada tahun 2010.

Pada tahun 2011, EPSB telah mencatatkan keuntungan terkumpul sejumlah RM1.70 juta dan meningkat kepada RM4.45 juta pada tahun 2013. JAN mendapati pengurusan aktiviti adalah memuaskan berdasarkan penemuan dan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Prestasi kewangan aktiviti EPSB berdasarkan untung kasar adalah baik bagi tempoh 2011 sehingga 2013 kerana menunjukkan peningkatan setiap tahun. Bagaimanapun, pada tahun 2013 peratus pencapaian sasaran berkang kepada 97.4%. Ini adalah kerana EPSB kurang mendapat kontrak kerja pada tahun 2013.

- b. Perolehan kontrak yang bergantung sepenuhnya dari syarikat induk iaitu ESPEK dan penawaran kerja kepada sub kontraktor yang disebabkan kekurangan jentera dan

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)**

tenaga kerja telah menyumbang kepada untung kasar yang kecil kepada EPSB.

- c. Lima daripada 10 aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2013 masih belum mencapai keuntungan yang disasarkan iaitu penanaman semula, penuaian, penorehan, penyelenggaraan dan bekalan input pertanian.

4.2.3 EPSB perlu meningkatkan pendapatan dengan menyertai beberapa kontrak selain daripada syarikat induk bagi mengelak daripada terlalu bergantung pada syarikat induk.

4.2.4. EPSB perlu meningkatkan keuntungan operasi dengan melaksanakan sendiri kerja yang diperoleh.

4.2.5. EPSB perlu membuat pelaburan terhadap jentera perladangan.

4.3. ESPEK Livestock Sdn Bhd (ELSB)

4.3.1 ESPEK Livestock Sdn Bhd (ELSB) ditubuhkan pada 26 Februari 1999 di bawah Akta Syarikat 1965. ELSB merupakan syarikat subsidiari milik penuh ESPEK Sdn. Bhd. (ESPEK) iaitu syarikat subsidiari milik penuh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)**

Modal dibenarkan dan berbayar ELSB adalah masing-masing berjumlah RM10 juta dan RM5.5 juta.

Aktiviti ELSB adalah terdiri daripada penternakan lembu secara integrasi dan fidlot, pengeluaran baja organik, pengeluaran batu garam Espek Mineral Blok dan penternakan kambing Boer.

4.3.2 ELSB telah mencatatkan keuntungan selepas cukai 5 tahun berturut-turut bagi tahun 2009 sehingga 2013. Sehingga 31 Disember 2013, keuntungan terkumpul ELSB berjumlah RM6.14 juta. Antara faktor yang menyumbang kepada keuntungan syarikat adalah pemberian geran daripada RISDA dan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Projek Lembu RISDA (PLR) dan *Entry Point Project 5*.

JAN mendapati pengurusan aktiviti ELSB adalah kurang memuaskan kerana wujud kelemahan seperti berikut:

- a. Hasil jualan lembu menurun sejumlah RM600,000 atau 8% kepada RM6.92 juta pada tahun 2012 dan sejumlah RM500,000 atau 7% kepada RM6.43 juta pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya.
- b. Kadar kelahiran lembu integrasi tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 34.8% bagi tahun 2012 dan 38.4% bagi tahun 2013 berbanding kadar yang ditetapkan oleh RISDA adalah

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

60%. Kelahiran bagi tahun 2011 sehingga 2013 juga didapati tidak mencapai sasaran kelahiran yang ditetapkan oleh ELSB.

- c. Penternakan kambing Boer mengalami kerugian berterusan bagi tahun 2011 sehingga 2013. Sehingga 31 Disember 2013, kerugian daripada aktiviti penternakan kambing ini adalah berjumlah RM1.44 juta. Prestasi jualan ternakan kambing hanya mencapai 43.5% bagi tahun 2011 sehingga 2013.
- d. Kadar kelahiran kambing Boer tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 0.43:1 pada tahun 2011 dan 0.90:1 pada tahun 2013 di Ladang RISDA Tanjung Genting berbanding kadar yang ditetapkan iaitu 1:1.

Jumlah kematian bagi tahun 2011 adalah 26% dan 12% pada tahun 2013 berbanding kadar kematian yang ditetapkan pada tahap kurang 5% setahun bagi induk dan pejantan dan 10% kematian anak setahun.

Di Ladang RISDA Kampung Awah, Pahang pula, kadar kelahiran adalah 0.23:1 pada tahun 2011, 0.81:1 pada tahun 2012 dan 0.92:1 pada tahun 2013. Jumlah kematian menurun dari 61% pada tahun 2011 kepada 21% pada tahun 2013.

- e. Kadar kelahiran lembu untuk Projek Lembu RISDA (PLR) bagi tahun 2010 sehingga 2012 tidak mencapai sasaran yang

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

ditetapkan. Peratus kelahiran bagi tahun 2010 adalah sebanyak 33.3% berbanding sasaran 45%. Bagi tahun 2011 dan 2012, peratus kelahiran masing-masing adalah 40.3% dan 44% berbanding 60% sasaran yang ditetapkan.

- f. Kematian pejantan pada tahun 2010 adalah 5.8% berbanding kadar yang ditetapkan iaitu kurang dari 5% setahun.
- g. Manual Prosedur Operasi Standard (SOP) pengurusan ternakan lembu integrasi dan kandang fidlot tidak disediakan untuk rujukan pekerja.

4.3.3. Penambahbaikan yang sesuai mengikut aktiviti perlu diambil ELSB bagi memastikan setiap perniagaan yang diceburi berdaya maju dan mencapai sasaran yang ditetapkan serta selari dengan objektif penubuhan syarikat.

4.3.4. Kajian terhadap punca kadar kelahiran yang rendah dan kematian perlu dibuat serta direkodkan dengan sewajarnya dan langkah untuk meningkatkan prestasi ternakan bagi mencapai Pelan Strategik Syarikat.

4.3.5 ELSB hendaklah menyelenggara rekod pengurusan penternakan dengan lengkap, tepat dan kemas kini.

4.4. RISDA Bina Sdn Bhd

4.4.1 RISDA Bina Sdn Bhd (RISDA Bina) atau nama asalnya, Waktu Cerah Sdn. Berhad (WCSB) ditubuhkan pada 26 Ogos 1993 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan sejumlah RM5 juta dan modal berbayar sejumlah RM2.02 juta. RISDA Bina merupakan syarikat milik penuh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

Fungsi utama RISDA Bina adalah membangunkan tanah-tanah milik RISDA yang berpotensi. Aktiviti utama RISDA Bina adalah sebagai pemaju harta tanah, kontraktor dan juga perunding pengurusan projek.

4.4.2 RISDA Bina mencatatkan keuntungan selepas cukai dari tahun 2009 sehingga 2010 daripada RM140 ribu kepada RM650 ribu. Sehingga tahun 2013, RISDA Bina mencatatkan keuntungan terkumpul sejumlah RM10.16 juta.

JAN mendapati pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan berdasarkan beberapa penemuan seperti berikut:

- a. Projek Fasa 1 di Taman Cindai Jaya, Sungai Petani Kedah iaitu Kerja-kerja Pemulihan 65 unit bangunan yang

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

terbengkalai melibatkan Arahan Perubahan Kerja (APK) sejumlah RM1.03 juta atau 13.7% daripada kos asal projek.

- b. Projek Fasa 2A di Taman Cindai Jaya, Sungai Petani Kedah lewat disiapkan dengan melibatkan 3 kali kelulusan lanjutan masa (EOT) selama 407 hari dan juga 20 kali APK dengan pertambahan kos sejumlah RM442,637 atau 6% daripada kos asal kontrak.
- c. Projek Fasa 3A di Taman Cindai Jaya, Sungai Petani Kedah yang sepatutnya siap pada 16 Jun 2014 mengalami kelewatan dan gagal disiapkan oleh kontraktor yang dilantik. Kemajuan projek setakat bulan Mac 2015 hanya 89% siap.
- d. Sasaran pendapatan bagi projek Fasa 3A bagi tahun 2013, 2014 dan setakat bulan Mac 2015 adalah terlalu jauh daripada pencapaian sebenar iaitu masing-masing hanya mencapai 0.6%, 6.4% dan 2.5% daripada sasaran yang ditetapkan.

Prestasi jualan projek Fasa 3A juga tidak menggalakkan di mana setakat bulan Mac 2015 hanya 38 unit daripada 122 unit rumah berjaya dijual dan 20 unit lagi masih menunggu kelulusan pinjaman.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

- e. RISDA Bina bergantung kepada sumber dana daripada Syarikat Induk iaitu RISDA untuk membiayai projek pembinaannya. Sejumlah RM10 juta dipinjam daripada tabung Rancangan Tanam Baru Berkelompok dan selebihnya adalah suntikan dana dan bayaran pampasan daripada RISDA.
- f. Kerja pembinaan kolam takungan tidak dapat dilaksanakan disebabkan pencerobohan 17 setinggan di tapak kolam tersebut.
- g. Dokumen kontrak lewat ditandatangani iaitu antara 11 hingga 33 bulan daripada tarikh surat setuju terima.
- h. Aktiviti pemasaran yang dilaksanakan masih belum mampu menarik minat pembeli berdasarkan prestasi jualan yang tidak menggalakkan walaupun telah menggunakan sebanyak 50.7% peruntukan perbelanjaan pemasaran.

4.4.3. Sehubungan itu, JAN berpendapat bahawa:

- a. RISDA Bina perlu meningkatkan pemantauan terhadap projek pembinaan bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan untuk mengelakkan pertambahan kos.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

- b. RISDA Bina perlu melaksanakan strategi pemasaran yang lebih berkesan dan mempercepatkan proses pertukaran status tanah bagi meningkatkan jualan dan menarik minat pembeli.

- c. RISDA Bina perlu mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan masalah pencerobohan setinggan di tapak kolam takungan supaya pembinaan kolam takungan dapat dilaksanakan mengikut arahan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

4.5. Kolej RISDA Sdn Bhd

4.5.1. Kolej RISDA Sdn. Berhad (Kolej RISDA) ditubuhkan pada 8 Januari 1999 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan berjumlah RM25 juta dan modal berbayar berjumlah RM15.05 juta dan adalah syarikat milik penuh RISDA.

Aktiviti utama Kolej RISDA adalah mengurus dan mengendalikan institusi pendidikan tinggi yang menawarkan program latihan dan pendidikan di dalam pelbagai bidang pengajian yang diiktiraf.

Mulai bulan Disember 2014, Kolej RISDA Melaka telah dinaik taraf sebagai Kolej Universiti dan dikenali sebagai Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM).

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)**

4.5.2. Kolej RISDA mencatatkan keuntungan selepas cukai 5 tahun berturut-turut dan peningkatan keuntungan terkumpul. Sehingga 31 Disember 2013, keuntungan terkumpul Kolej RISDA berjumlah RM10.28 juta.

JAN mendapati pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan adalah berada pada tahap memuaskan berdasarkan kepada penemuan seperti berikut:

- a. Peratusan pelajar yang terhenti dan gagal meneruskan pengajian adalah tinggi iaitu antara 21.6% sehingga 28.8% walaupun pendaftaran pelajar menghampiri atau melebihi sasaran.

Antara faktor yang menyumbang kepada peratusan ini adalah pelajar gagal dalam peperiksaan, berhenti atau menangguhkan pengajian.

- b. Bilangan kursus, latihan jangka pendek dan program kemahiran yang dijalankan pada tahun 2012 sehingga bulan Julai 2014 di Zon Timur, Zon Utara dan Zon Tengah menunjukkan penurunan kerana Kolej RISDA terlalu bergantung kepada Bahagian Latihan RISDA bagi mendapatkan pakej latihan atau kursus.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

- c. Penghutang tidak aktif yang wujud sejak tahun 2000 sehingga 31 Disember 2013 adalah tinggi iaitu berjumlah RM4.22 juta. Sejumlah RM3.01 juta atau 71.4% daripadanya merupakan hutang pelajar di Kolej RISDA Melaka.
 - d. Prestasi kutipan hutang oleh ejen yang dilantik adalah tidak memuaskan kerana jumlah kutipan yang rendah iaitu kurang daripada 5%.
 - e. Peralatan komputer yang tidak boleh digunakan dan kenderaan yang rosak belum dilupuskan.
- 4.5.3 Berikutan itu, JAN berpendapat bahawa:
- a. Kolej RISDA perlu memantapkan program pengajian yang ditawarkan bagi mengurangkan peratusan pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian agar objektif penubuhan Kolej RISDA dapat dicapai.
 - b. Kolej RISDA perlu mengkaji semula prosedur kutipan hutang supaya tindakan mengutip hutang pelajar tidak aktif dapat dibuat dengan lebih berkesan serta meningkatkan pendapatan Kolej RISDA. Prestasi ejen kutipan hutang perlu dikaji semula dan ditamatkan jika perlu.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

- c. Kolej RISDA perlu mengambil tindakan pelupusan aset dengan segera supaya dapat menjimatkan ruang penyimpanan aset.

5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN

Datuk Seri Ibrahim Muhamad, KSU KKLBW; Dato' Sri Wan Mohamad Zuki Mohamad, KP RISDA; Mohd Najib Bin Abdul Samad, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) ESPEK; Fikri Bin Ghani, CEO EPSB dan Marhalim Hashim, CEO ELSB dipanggil bagi memberi penjelasan di hadapan Jawatankuasa.

5.1 Keterangan Oleh KSU KKLW dan KP RISDA

5.1.1 ESPEK

- a. Prestasi Pengurusan Ladang Dan Kilang Kelapa Sawit yang menurun.
 - i. Meningkatkan produktiviti ladang melalui *Good Agriculture Practices*.
 - ii. Prestasi kilang adalah pada tahap sederhana. Bagaimanapun, syarikat telah menukar alat-alat ataupun facilities seperti *boiler* dan syarikat telah menunjukkan prestasi yang lebih baik. Syarikat-syarikat luar juga berminat untuk menghantar buah tandan segar ke Kilang-kilang RISDA.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

- iii. Ketiga-tiga kilang RISDA telah memperoleh keuntungan terutamanya kilang di Durian Mas yang mencapai *full capacity* 45,000 metrik tan setahun.
- b. Kadar Perahan Minyak (OER) Yang Tidak Tercapai
 - i. Syarikat mempunyai jabatan kualiti dan audit yang akan memantau mutu atau OER yang dikawal sekitar 19 hingga 21 hari iaitu mengikut standard industri.
 - ii. Satu dasar program tanam semula dilaksanakan secara berperingkat dan ESPEK telah melaksanakan tanam semula kawasan berskala besar. Ini telah memberi kesan negatif kepada Kilang Sawit Ulu Keratong kerana terpaksa mendapatkan bekalan Buah Tandan Segar dari luar yang pengeluaran dan kualiti tidak dapat dikawal.
 - c. Setiap tahun RISDA telah merancang untuk menanam semula pokok lebih kurang 5% setahun daripada keluasan tanaman dan proses ini akan diselesaikan dalam tempoh 20 tahun. Ketika JAN melaksanakan pengauditan, RISDA telah mengeluarkan tender untuk penanaman semula pokok-pokok sawit.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

5.1.2 EPSB

- a. Pencapaian sasaran untung kasar tidak dicapai kerana kurang mendapat tender dan kekurangan peralatan serta tenaga pekerja.
- b. Masalah kekurangan jentera dan tenaga telah diatasi pada tahun 2014 apabila ESPEK Plantation telah menambah daripada 20 kepada 41 buah jentera pertanian serta tenaga pekerja bertambah daripada 182 orang kepada 576 orang.
- c. Kebergantungan penuh daripada syarikat induk untuk mendapatkan kontrak kerja. Ini kerana pada tahun 2013 syarikat induk telah membuka buka tender kepada syarikat luar (*open tender*). Bagaimana pun pada tahun 2014 keutamaan bagi diberi kepada anak syarikat sendiri bagi mendapatkan kontrak atau tender.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

5.1.3 ELSB

a. Penternakan Lembu

PAC Parlimen dimaklumkan hasil jualan menurun disebabkan penurunan harga jualan kerana saiz lembu yang berbeza.

Selain itu, ELSB juga menambah jualan secara subsidi kepada pekebun kecil menyebabkan hasil berkurangan. Sebagai contoh pada tahun 2011, ELSB menjual 15 ekor lembu pada harga subsidi dan manakala penjualan lembu pada harga subsidi meningkat kepada 478 ekor pada tahun 2012.

Kerajaan melalui PEMANDU membenarkan untuk RISDA membuat ternakan lembu dengan syarat harga yang dijual mestilah harga subsidi kepada pekebun kecil bagi membolehkan seorang pekebun kecil memiliki empat atau lima ekor lembu.

b. Penternakan Kambing

KKLBW/RISDA menjelaskan kepada PAC Parlimen bahawa penternakan kambing boer mengalami kerugian berterusan

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

dari tahun 2011 sehingga 2013 disebabkan kos operasi yang tinggi.

Kerugian penternakan kambing boer juga disebabkan harga daging tempatan adalah lebih tinggi berbanding harga daging kambing import yang menyebabkan ELSB sukar untuk bersaing.

Berikutan itu ELSB memohon untuk tidak menguruskan ternakan kambing dan akan menyerahkannya semula kepada RISDA. Cadangan pelupusan kambing akan diserah kepada RISDA kerana harta tersebut adalah milik RISDA.

5.1.4 RISDA Bina

MoF memberi kebenaran kepada RISDA untuk terbabit dalam sektor hartanah.

RISDA kemudian memohon kepada MoF untuk menujuhkan Binaris atau Bina RISDA yang kemudian dinamakan RISDA Bina selepas mengambil alih syarikat Waktu Cerah Sdn Bhd. Melalui RISDA Bina, Kerajaan berharap ia akan dapat menjana pendapatan sendiri bagi tujuan pengkorpratan.

RISDA Bina hanya membangunkan tanah RISDA sendiri seperti di Sungai Petani. RISDA Bina pernah cuba untuk membuat kerjasama

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

dengan pihak lain bagi tujuan pembangunan harta tanah dan mendapatkan pandangan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) JPM, bagaimanapun perkara berkenaan masih belum diputuskan pihak Kerajaan.

5.1.5 Kolej RISDA

PAC Parlimen dimaklumkan bahawa bilangan Pelajar yang berdaftar pada tahun 2012 adalah kurang kerana terdapat program yang telah mendapat bajet tetapi tidak mendapat kelulusan dari Kementerian Pengajian Tinggi untuk dijalankan. Terdapat juga persaingan dari IPT yang sama.

Selain itu, bagi mengatasi masalah penghutang yang tinggi, Kolej telah mengambil tindakan dengan membawa satu kertas cadangan kepada Ahli Lembaga Pengarah untuk hapus kira hutang pelajar yang tertunggak dari tahun 2000 sehingga 2007 bagi 149 pelajar berjumlah RM646,317.

Bagi tunggakan 198 pelajar berjumlah RM804,418, siasatan sedang dilaksanakan bagi mengesan dokumen untuk penyediaan kertas cadangan hapus kira.

Bagi tunggakan 2,405 pelajar untuk tahun 2008 sehingga 2013 berjumlah RM2.79 juta, Kolej telah melantik ejen pengutip hutang bagi

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

mengatasi masalah tunggakan ini. Setakat tahun 2014, sejumlah RM390,915 telah berjaya dikutip.

Kolej RISDA akan memastikan segala aset berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Tindakan pelupusan sedang diambil terhadap peralatan komputer yang tidak lagi boleh digunakan dan kenderaan yang rosak mengikut prosedur pelupusan aset.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ Bilangan 40/2015 pada Selasa 16 Jun 2015

6. RUMUSAN PAC PARLIMEN

Secara keseluruhannya, PAC Parlimen berpuas hati dengan penjelasan yang dibuat oleh pihak KKLBW dan RISDA. Ini kerana tiada pembaziran atau penyelewengan berlaku terhadap pengurusan syarikat Espek Sdn Bhd, Espek Plantations Sdn Bhd dan Espek Livestock Sdn Bhd, RISDA Bina dan Kolej RISDA.

7. SYOR PAC PARLIMEN

- 7.1 RISDA perlu memastikan anak syarikat dan subsidiarinya lebih tersusun serta berdaya saing bagi menjamin pekebun kecil secara keseluruhan.
- 7.2 Anak-anak syarikat RISDA perlu mengelakkan kebergantungan kepada syarikat induk dan meneroka pasaran luar.
- 7.3 Anak-anak syarikat perlu melupuskan perniagaan yang tidak mendatangkan pulangan dan keuntungan kepada syarikat sebagai contoh penternakan kambing boer.
- 7.4 Kerajaan terutama MoF perlu memberikan hala tuju dan garis panduan yang lebih jelas bagi membolehkan RISDA Bina

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN BHD, ESPEK PLANTATION SDN BHD,
ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD, RISDA BINA SDN. BHD DAN KOLEJ RISDA
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)*

membangunkan tanah milik RISDA untuk tujuan pembangunan sektor hartanah.

- 7.5 Kolej RISDA perlu memantapkan program pengajian yang ditawarkan bagi mengurangkan peratusan pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian agar objektif penubuhan Kolej RISDA dapat dicapai.
- 7.6 PAC Parlimen mahu RISDA mengemukakan laporan kemajuan Kolej Risda serta kebolehpasaran graduan Kolej Risda sejak penubuhannya kepada Jawatankuasa ini.
- 7.7 Kolej RISDA perlu mengkaji sama ada kursus-kursus yang ditawarkan dalam bentuk kemahiran dan teknikal berdasarkan permintaan pekerjaan serta memberi manfaat kepada graduan seterusnya membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN

**AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ Bilangan 40/2015 pada Selasa 16 Jun 2015

LAMPIRAN A6

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA BIL 40/2015 PADA SELASA 16 JUN 2015 DI BILIK JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
16 Jun 2015 (Selasa) 11.00 pagi	<ul style="list-style-type: none">• Pengurusan Syarikat ESPEK Sdn. Bhd.• Pengurusan Syarikat ESPEK Plantations Sdn. Bhd.• Pengurusan Syarikat ESPEK Livestock Sdn. Bhd.	<p><u>Kementerian</u> <u>Kemajuan Luar</u> <u>Bandar</u> & <u>Wilayah</u></p> <p>• Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)</p>

LAPORAN PROSIDING

❖ Bilangan 40/2015 pada Selasa 16 Jun 2015

Bil.40

Selasa
16 Jun 2015



LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

**Pengurusan Syarikat ESPEK Sdn. Bhd.
Pengurusan Syarikat ESPEK Plantations Sdn. Bhd.
Pengurusan Syarikat ESPEK Livestock Sdn. Bhd**

- Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
 - Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)

**PARLIMEN KETIGA BELAS
彭加拉吉三**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BLOK A
BANGUNAN SEMENTARA, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 16 JUN 2015 (PAGI)**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

Y.B. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]
Y.B. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
Y.B. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
Y.B. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
Y.B. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
Y.B. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]

- *Pengerusi*
- *Timbalan Pengerusi*

Tidak Hadir /Dengan Maaf/

Y.B. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
Y.B. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
Y.B. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
Y.B. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
Y.B. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
Y.B. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
Y.B. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
Y.Bhg. Datuk Roosme binti Hamzah

- *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]
Puan Siti Rohaini binti Roslan [Penolong Pegawai Teknologi Maklumat]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Datin Paduka Ong Swee Leng [Pengarah Audit Sektor Badan Berkanun Persekutuan]
Puan Swaibatul Aslamiah binti Haji Husain [Timbalan Pengarah Audit Sektor Badan
Berkanun Persekutuan]
Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [Ketua Penolong Pengarah Audit Sektor Badan
Berkanun Persekutuan]
Puan Norhayati binti Husain [Ketua Seksyen Audit Sektor Badan Berkanun
Persekutuan]
Encik Mohd Nasir bin Abdul Manaf [Penolong Pengarah Audit Sektor Badan Berkanun Persekutuan]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)

Jabatan Audit Negara (samb/-)

Encik Haris bin Yahaya [Penolong Juruaudit Audit Sektor Badan Berkanun Persekutuan]
Encik Norman bin Ladamai [Penolong Juruaudit Audit Sektor Badan Berkanun Persekutuan]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Maslina binti Kamarudin [Ketua Penolong Pengarah]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ali Badaruddin bin Abd Kadir [Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan]

Kementerian Kewangan

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit Bahagian Strategi Korporat Dan Komunikasi
(Unit Parlimen Dan Kabinet)]

SAKSI

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Y.Bhg. Datuk Seri Ibrahim bin Muhamad [Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan
Luar Bandar dan Wilayah]

Encik Zazali bin Salehudin [Setiausaha Bahagian Pelaburan dan Anak Syarikat]

Puan Faridah binti Md. Jamil [Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pelaburan dan
Anak Syarikat]

Cik Noor Azleena Azreen binti Mohd Othman [Penolong Setiausaha Bahagian
Pelaburan dan Anak Syarikat]

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)

Y.Bhg. Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad [Ketua Pengarah]

Y.Bhg. Dato' Mohamat bin Muda [Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan]

Y.Bhg. Dato' Mohamed Alang bin Abdul Hamid [Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan
dan Korporat]

Y.Bhg. Datuk Haji Kamaruddin bin Mohamed Shah [Ketua Pegawai Eksekutif RISDA
Holdings Sdn. Bhd.]

Estet Pekebun Kecil (ESPEK) Sdn. Bhd.

Tuan Haji Mohd. Najib bin Abdul Samad [Ketua Pegawai Eksekutif ESPEK Sdn. Bhd.]

Encik Marhalim bin Haji Hashim [Ketua Pegawai Eksekutif ESPEK Livestock Sdn. Bhd.]

Tuan Haji Fikri bin Ghani [Ketua Pegawai Eksekutif ESPEK Plantation Sdn. Bhd.]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA

Selasa, 16 Jun 2015

Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.18 pagi

[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Okey, memandangkan kuorum sudah cukup, kita boleh mulakan mesyuarat. Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, Datin Paduka... namanya asyik lupa.

Datin Paduka Ong Swee Leng [Pengarah Audit Sektor Badan Berkanun Persekutuan]: Ong.

Tuan Pengerusi: [Ketawa] Sebab itu tak ada "ong". [Ketawa] Wakil daripada Jabatan Audit Negara, wakil-wakil kementerian, seterusnya para hadirin sekalian.

Pada hari ini Mesyuarat PAC akan menumpukan kepada untuk memanggil RISDA untuk menjelaskan mengenai pengurusan syarikat ESPEK Sdn. Bhd., ESPEK Plantation Sdn. Bhd. dan ESPEK Livestock Sdn. Bhd. RISDA ini, sebenarnya tajuk badan berkanunnya ialah Pihak Berkua Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah tetapi sekarang ini sudah buat *business* yang macam-macam, lain-lain. Jadi kita pun hendak tanya kenapa mereka tak tumpukan kepada perniagaan asalnya.

Jadi ketiga-tiga syarikat ini terlibat dengan penternakan lembu ya? Bukan?

Seorang Ahli: Ada lembu, ada kambing.

Tuan Pengerusi: Lembu dan kambing ya, yang bukan *core business* dia lah. Ketiga-tiga syarikat ini ada didapati kelemahannya dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri Kedua tahun 2014. Jadi elok jugalah kita tanya wakil daripada RISDA ini mengenai hala tuju mereka, terutamanya mengenai objektif perniagaan mereka.

Semalam pun dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2015 Siri Kedua pun timbul lagi isu mengenai RISDA iaitu mengenai isu di mana sekarang terlibat dalam industri pembinaan rumah yang juga mempunyai masalah, dan juga satu lagi kolej, ya? Mereka juga menjalankan perniagaan kolej sekarang ini. Jadi kita hendak tanya mereka, apakah matlamat akhir RISDA ini yang patutnya jaga pekebun getah sahaja, sekarang sudah macam-macam perniagaan.

■1120

Jadi, itu untuk pagi ini. Petang nanti kita akan bermesyuarat pada jam 2.30 petang, untuk mendengar mengenai pengurusan projek 1BestariNet. Ini juga sudah tertangguh daripada prosiding asal iaitu 17 Mac 2015 yang lepas, kerana kita hendak memanggil mantan Ketua Setiausaha, mantan Ketua Pengarah Pendidikan dan juga mantan Ketua Sekretariat Project Management Office untuk projek 1BestariNet ini yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2014 Siri Satu. Jadi itulah dia dua mesyuarat yang kita akan adakan pada hari ini.

Saya juga hendak maklumkan kepada Ahli-ahli PAC bahawa Kementerian Kewangan telah menghantar maklum balas mengenai Arahan 304 yang berkenaan dengan tindakan yang diambil kepada saranan PAC yang kita minta itu hari. Mereka sudah hantar kepada kita maklum balas mengenai tindakan yang telah diambil berikutan saranan PAC mengenai tindakan yang akan diambilah kepada pegawai-pegawai...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan suara]*

Tuan Pengerusi: Yang macam-macam lah seperti yang kita buat press conference hari itu.

Jadi, tanpa melengahkan masa lagi, saya minta Datin Paduka Ong untuk update kita mengenai isu RISDA ini, mengenai projek ternakan lembu ini dan juga kambing. Juga sedikit sebanyak mengenai syarikat yang membuat pembinaan dengan kolej itu.

Pada pagi ini kita dikunjungi oleh CEO, KSU dan Ketua Pengarah. Okey. Datin Paduka Ong.

Datin Paduka Ong Swee Leng: Terima kasih. Selamat pagi salam sejahtera, Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC, Ahli-ahli PAC, wakil-wakil kementerian, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2014 Siri Satu, anak syarikat yang dipilih untuk dijalankan pengauditan adalah anak syarikat RISDA. Tiga anak syarikat telah pun diaudit iaitu syarikat ESPEK Sdn. Bhd., syarikat ESPEK Plantation Sdn. Bhd. dan syarikat EPSEK Livestock Sdn. Bhd.

Bagi ketiga-tiga syarikat tersebut, empat elemen telah pun diaudit iaitu:

- (i) prestasi kewangan;
- (ii) pengurusan aktiviti;
- (iii) tadbir urus korporat; dan
- (iv) pengurusan kewangan.

Bagi prestasi kewangan, tadbir urus korporat dan prestasi kewangan, didapati ketiga-tiga adalah baik. Cuma untuk pengurusan aktiviti ESPEK Livestock Sdn. Bhd. adalah kurang memuaskan, yang dua lagi syarikat adalah memuaskan. Secara latar belakang berkaitan dengan ketiga-tiga syarikat, according dalam slaid itu, modal dibenarkan, modal dibayar dan aktiviti untuk ketiga-tiga syarikat tersebut.

So, ESPEK Sdn. Bhd. ia macam agen, *middleman* untuk menguruskan dan membangunkan ladang kelapa sawit, getah dan kilang milik RISDA. Di ESPEK, kerja-kerja perkhidmatan dan bekalan dalam sektor perladangan dan perkilangan sawit. ESPEK Livestock Sdn. Bhd., ternakan lembu secara integrasi, *feedlot*, baja, batu garam dan kambing Boer. *Next. Objektif pengauditan, next.*

Ini adalah skop dan metodologi yang diguna pakai oleh Jabatan Audit Negara semasa menjalankan pengauditan syarikat milik RISDA. Semak dokumen fizikal...

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Syarikat-syarikat ini pun ia ada *external auditors* kan?

Datin Paduka Ong Swee Leng: Dia daripada induk. Daripada RISDA. *Individual* tak ada..

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Ia *under Companies Act...*

Datin Paduka Ong Swee Leng: *Financial statement* ia ada...

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Under Companies Act, should be audited.*

Datin Paduka Ong Swee Leng: Yang Berhormat tanya *internal audit* kah?

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *No, no. External auditors?*

Datin Paduka Ong Swee Leng: *External auditors, yes. External auditors for the three companies are Jamal, Amin & Co. Sebelum itu is Aljeffri & Co. Aljeffri & Co for two years before that. 2012 and 2013 is Jamal, Amin & Co, and 2010 and 2011 is Aljeffri & Co.*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa] Syed Amin Aljeffri. Okey.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ada lagi. Syed Amin muda lagi. Sakitlah. So, dia *auditor for the main company and the subsidiaries* lah?

Datin Paduka Ong Swee Leng: Yes.

Tuan Pengerusi: Okey. Alright.

Datin Paduka Ong Swee Leng: Okey, *next. This is* secara keseluruhan berkaitan dengan prestasi kewangan. *If we look at* ESPEK dengan ESPEK Plantation. *But* ESPEK Livestock bila kita analyze berkaitan dengan keuntungan terkumpul, kebanyakan ada pada geran kerajaan lah. Disebabkan geran kerajaan, ia dapat keuntungan.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datin Paduka Ong Swee Leng: No. Outright.

Tuan Pengerusi: *Outright... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datin Paduka Ong Swee Leng: *It's outright grant.*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ada *detail* tak *outright grant* itu nanti?

Datin Paduka Ong Swee Leng: Ada.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Okey, okey. *[Ketawa]*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]

Datin Paduka Ong Swee Leng: For geran yang diterima setakat 2013, from RISDA is 2006 to 2012 – RM10.49 million, MOSTI in 2007 – RM0.25 million, MOA melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar 2013 to 2020 – RM6.48 million. So total is RM17.22 million.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: ESPEK Sdn. Bhd. ini *holding company* kah?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Akan tetapi akhirnya, maknanya daripada output kilang itu, kita boleh tahu sama ada buah-buah yang dibeli itu buah yang betul-betul tinggi kandungan minyaknya? Fasal sekarang...

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Syarikat ini juga ada jabatan kualiti dia dan audit akan dibuat secara berkala supaya mutu atau OER akan dapat dikawal sekitar 19 atau 21 begitu, *that range.*

Tuan Pengerusi: *That 20% OER is the average...*

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: *Basically is a standard semasa, industri. Standard semasa.*

Tuan Pengerusi: Standard industri berbanding dengan syarikat swasta pun?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Yes, yes.

Tuan Pengerusi: *That with the big boys pun macam IOI dan sebagainya...*

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: *They are big higher Datuk, 1% or 2% higher.*

Tuan Pengerusi: *How much?*

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: *1% or 2% higher than us.*

Tuan Pengerusi: *1% or 2% sahajalah. Maknanya you are still within the industrial average?*

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: *Ya, within it.*

Tuan Pengerusi: Okeylah. Oleh sebab saya tanya tadi fasal isu penyelewengan di mana you kata tidak ada dan boleh *collaborate* dengan *your achievement of the average OER.*

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya.

Tuan Pengerusi: Maknanya you beli buah yang betul-betul ada minyaklah.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Hendak tanya Tuan Pengerusi, sebelum ke bidang yang lain itu. Syarikat ESPEK Plantation Sdn. Bhd. ini secara mudahnya adalah sebuah syarikat yang *manage plantation*.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Dalam negara kita ini banyak syarikat yang bermula begini. Dari segi rating yang mereka buat ini, adakah syarikat ini dikira terbaik atau *medium* berbanding dengan syarikat-syarikat pengurusan *plantation* yang lain yang ada dalam negara kita ini?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Kalau berdasarkan produktiviti mereka, saya kira antara yang baiklah. Dia punya sekitar – kita letakkan kita punya KPI kita mesti mencapai sekurang-kurangnya 19.5 metrik tan per year. So dia punya sawit ini, dia punya KPI akan ditingkatkan dari semasa ke semasa supaya mencabar keupayaan pegawai-pegawai kita untuk mencapai lebih tinggi lagi dia punya KPI itu. Sekarang ini 19.5 metrik tan. Untuk tahun depan mungkin kita tingkatkan lagi kepada 21 metrik tan dan sebagainya dari semasa ke semasa.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Dato' saja hendak tanya, hubungan ESPEK dengan *small holders* bagaimana? *How do ESPEK get paid? Management fees* atau bagaimana?

■1250

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: ESPEK ini tidak ada *management fees*. Dia ada nama tadi, dia akan bangunkan tanah kita, tanah yang diberikan oleh kerajaan semasa dahulu pada RISDA, kita *manage* dan hasil daripada keuntungan itu dipulangkan balik kepada peserta-peserta tadi yang dinamakan.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: ESPEK punya *revenue* datang daripada mana?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Macam mana?

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: ESPEK punya *revenue* datang daripada mana? Dia datang...

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Hasil daripada kos tadi. Daripada kos pengurusan 6% yang kita kenakan pada...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Okey, okey. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: *Management fees*.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: ESPEK ini *plantation manager* satu *business*.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Kemudian sebagai tuan empunya *mill*, kilang ini?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya, ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Pun satu *business*?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Yang bahagian *mill* kilang ini, sekali lagi saya hendak tanya daripada segi prestasinya berbanding dengan kilang-kilang kelapa sawit yang lain, berada dalam keadaan paling efisien atau pertengahan atau macam mana?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Saya boleh katakan di tahap sederhanalah, sederhana. Akan tetapi syarikat kita, apabila kita telah menukar alat-alat ataupun *facilities* itu, *boiler* dan sebagainya, kebelakangan ini telah menunjukkan prestasi yang lebih baik. Saya jangka dalam masa setahun atau dua tahun lagi mereka akan setanding dengan pekilang-pekilang lain. Sekarang ini kita mendapat maklum, pihak-pihak luar pun sanggup ataupun bersedia untuk menjual kepada kilang-kilang kita. Oleh sebab itu kita tidak menghadapi masalah untuk mendapat sawit-sawit dari luar.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Sebab-sebabnya sebelum tahun 2014, agak susah untuk ESPEK ini untung kerana terbuka pasaran dan terbuka pilihan.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *You only can survive* sebab ada dasar *first right of refuser*.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Kalau tidak ada dasar *first right of refuser*, *are you prepare to compete in an open market and can you make profit for the Smallholders?* Itu cabaran mereka.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya itu cabaran sebab itu kebelakangan ini kita hendak *compete* dengan pihak luar, kita telah meningkatkan keupayaan kilang-kilang kita dengan membeli *boilers* baru dan sebagainya supaya kita dapat hasil lebih tinggi dan bermutu.

Tuan Pengerusi: So, kilang *you* sudah *run full capacity*?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya, *full capacity*.

Tuan Pengerusi: Berapa jam satu hari?

Tuan Haji Mohd. Najib bin Abdul Samad [Ketua Pegawai Eksekutif ESPEK Sdn. Bhd.]: Sekarang kita ada tiga buah kilang... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Tekan, mikrofon.

Tuan Haji Mohd. Najib bin Abdul Samad: Kita ada tiga buah kilang sekarang ini. Ketiga-tiga kilang untung. Kilang yang pertama di Durian Emas, *full capacity 45,000 metric ton per year*. Serupa macam di Ulu Kratong dan akhir sekali di Sungai Ambat, Mersing.

Tuan Pengerusi: Kalau satu hari *run* berapa jam?

Tuan Haji Mohd. Najib bin Abdul Samad: Kita dua syif, ini 12 jam.

Tuan Pengerusi: 12 jam ya? *12 hours per day*?

Tuan Haji Mohd. Najib bin Abdul Samad: 16, 16 sorry.

Tuan Pengerusi: 16 jam. Okey, *16 jam per day*. Rehat, *downtime* 8 jam lah? Okey.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Encik Rosli bin Yaakub: Tuan Pengerusi, boleh tanya sedikit tentang kilang ini? Saya lihat kilang RISDA Ulu Kratong berbanding Kilang Durian Emas ini, ia punya OER nampak berbeza sedikit. Di Ulu Kratong kalau kita lihat *below than 19.7%* dari tahun 2011 hingga 2013. Berbanding dengan Kilang Durian Emas ini *above 20%*. Mungkin kita boleh bagi apa sebab dia.

Tuan Haji Mohd. Najib bin Abdul Samad: Sebelum dari tahun 2011 hingga 2013, kita punya OER rendah sedikit sebab ini kebanyakannya ladang yang berdekatan ladang kitalah, ladang di Kratong dan Pekoti Timur sedang tanam semula. Jadi, hasil yang dikeluarkan adalah hasil buah muda dan kita terpaksa bergantung kepada buah luar. Buah luar ini dia punya kualiti rendah. Akan tetapi kita telah tunjukkan dalam tahun 2014 dia telah mendapat OER yang lebih daripada 20% setanding dengan Kilang Durian Emas sebab buah yang kita dapat dari ladang di Kratong dan di Pekoti Timur iaitu ladang kita sendiri telah matang dan ia dapat mengeluarkan minyak yang lebih tinggi.

Tuan Pengerusi: Ia ada kaitan dengan usia pokok dengan ia punya *yield*, minyak ia?

Tuan Haji Mohd. Najib bin Abdul Samad: Betul Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Apabila *you* buat *you* punya *replanting* ini, ia ada *short term effect*...

Tuan Haji Mohd. Najib bin Abdul Samad: Betul Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Daripada segi kualiti buahnya. Okey.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya perhatikan juga selain daripada ESPEK Plantation Sdn. Bhd ini, RISDA ada juga sebuah syarikat yang bernama RISDA Plantation Sdn. Bhd. kenapa begitu?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Sebenarnya dulu ini syarikat ESPEK Plantation ini dia berada bersama satunya di bawah ESPEK. Akan tetapi kita mula mengasingkan ESPEK Plantation ini untuk mendapat peluang-peluang perniagaan bukan yang dalam tanah-tanah yang disediakan oleh kerajaan tadi. Ia boleh berkembang untuk membangunkan tanah-tanah agensi lain. Contohnya kebelakangan ini mereka dapat membangunkan tanah KESEDAR dan sebagainya. So, kita kembangkan aktiviti ini. ESPEK Plantation adalah untuk tanah-tanah yang disediakan oleh kerajaan, untuk pemilik-pemilik atau yang dinamakan dan ESPEK Plantation akan membuat, mengembangkan aktiviti untuk mendapat market-market luar. Di luar RISDA lah maksud saya. Ini kerana kita ada juga menerima teguran apabila dengan ESPEK ini mengapa kata tidak kembang kepada aktiviti lain, hanya dekat aktiviti RISDA sahaja? Ini maknanya tidak ada *way forward*.

So, dengan sedemikian kita asingkan syarikat ini, dulu unit bawah ESPEK Plantation dan sekarang bergerak sendiri. Nampaknya dengan tindakan tersebut, apabila kita asing sahaja keuntungan yang dicapai oleh ESPEK Plantation ini cukup baik dan kita telah mendapat keyakinan besar daripada banyak agensi kerajaan khususnya KESEDAR dan tahun lepas sahaja kita memperoleh kontrak tidak silap saya RM200 juta lebih untuk membangunkan tanah mereka. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Compete dengan GLC lain, macam FELDA dengan FELCRA itu?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Bukan hanya itu – kita kalau ada pihak...

Tuan Pengerusi: Swasta pun?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Swasta, mungkin ada di kalangan kita yang ada tanah besar, tidak ada kemampuan atau tidak ada masa hendak menguruskan boleh serah kepada syarikat kita dan kita boleh bantu mereka menguruskan.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya faham Tuan Pengerusi yang *business* pengurusan ladang ini saya faham di negara kita ini terutamanya. Akan tetapi *corporate decision* untuk adakan dua buah syarikat yang aktivitinya sama dan itu yang saya tidak faham. Siapa yang buat keputusan *that particular corporate decision that we need two companies doing the same business*, hanya kerana hendak ambil yang dalam *in-house* dan *outhouse* punya. Itu yang saya tidak faham.

Seorang Ahli: Kita cuma tukar nama sahaja.

Dato' Mohamat bin Muda: Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuba jelaskan sedikit tentang perbezaan antara ESPEK Plantation dan RISDA Plantation. So, ESPEK Plantation sebenarnya menguruskan ladang milik RISDA, okey. RISDA Plantation menguruskan ladang milik pekebun kecil sebab pekebun kecil ini ialah pemilikan berbeza. Itu yang – so, sistem ia pun berbeza. Sistem berbeza, yuran pengurusan ia pun berbeza, itulah.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Mohamat bin Muda: ESPEK Plantation RISDA punya.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Saya cuma hendak balik pada kilang tadi, dalam kita dua PAC dengan FELCRA ini, salah satu sebab dia jual dua buah kilang, satu di Selama dengan satu di Sarawak adalah kerana apabila dia buat kilang itu, tiba-tiba tidak cukup buah...

Seorang Ahli: Supply.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Tidak cukup supply. Padahal sebelum dia buat kilang itu saya percaya dia sudah pergi through macam-macam committee. So, RISDA ada keimbangan kah ke arah itu?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Tuan Pengerusi, sebenarnya keimbangan itu sentiasa ada tetapi kebelakangan ini dengan keupayaan dan kemampuan kita, dengan mendapat harga lebih baik kalau mereka menghantar ke kilang kita, kita tidak menghadapi masalah tersebut.

Mungkin di kilang-kilang lain dia macam Tuan Pengerusi kata tadi, ada kecurigaan tentang pemberian harga lebih baik. Akan tetapi RISDA tidak mengalami keadaan tersebut. Malah awal tadi saya sebut, ramai pihak luar mula menghantar pada kita sebab kita menawarkan harga OER yang baik dengan bayaran yang lebih cepat dan sebagainya. Ini dapat memberi keyakinan kepada *perception* pada pihak luar bahwasanya kilang-kilang RISDA yang tiga buah ini diuruskan dengan baik.

Tuan Pengerusi: Dalam isu FELCRA itu bukan apa, dua buah kilang itu sebelum dijual *perform* tidak baik. Selepas dijual didapati bahawa syarikat yang di usaha sama itu ada *director* yang sama.

■1300

Jadi maknanya, *depress the performance of the kilang before sale. And then after that, buy it at a cheaper price and then run it properly lah. And then, make money lah.* Itu isu yang ditimbulkan dalam FELCRA.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Rasanya kita tak terjadi macam itu lah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Bukan kita hendak curiga atau ragu-ragu. Kita kena tanya soalan ini. Fasal apa, perkara itu sudah timbul dalam isu FELCRA. [Ketawa]

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Tuan Pengerusi, kita kena ada keimbangan tentang perkara itu, kita kena ada. Bila kita ada keimbangan itu, kita waspada. Supaya tidak berlaku. Terima kasih.

Datuk Seri Ibrahim bin Muhamad: Tuan Pengerusi, sekarang kita kepada ESPEK Livestock.

ESPEK Livestock tadi saya ingat isu yang pertama, kerana kadar kelahiran ini sebenarnya berkurangan daripada apa yang ditargetkan.

Tuan Pengerusi: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Seri Ibrahim bin Muhamad: Ini masalah. [Ketawa] Ada *family planning*. Walau bagaimanapun, *that is the first issue* iaitu hasil jualan menurun. Ini sebenarnya disebabkan oleh harga jualan itu sendiri menurun kerana saiz-saiz lembu yang berbeza.

Keduanya ialah, yang jelas, penambahan jualan secara subsidi kepada pekebun kecil. Jadi apabila lebih banyak kita jual secara subsidi kepada pekebun kecil, hasil kita kurang. Ini kerana kita beri harga yang rendah, harga subsidi, diskau yang tinggi.

Misalnya pada 2011, cuma 15 ekor lembu sahaja kita jual secara subsidi. Akan tetapi, pada tahun 2012 itu meningkat kepada 478 ekor lembu. Jadi inilah, *a big amount of money* yang sebenarnya yang kita gunakan untuk subsidi, di mana tidak termasuk di dalam jumlah jualan kita.

Tuan Pengerusi: RISDA subsidize lembu yang dijual lah?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya. Kepada pekebun kecil.

Datuk Seri Ibrahim bin Muhamad: Skim ini untuk pekebun kecil.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Bukan untuk *public*, tak? Untuk pekebun kecil?

Datuk Seri Ibrahim bin Muhamad: Untuk penambahan pendapatan pekebun kecil. Daripada segi kejayaan, saya lihat statistik yang kita ada, memang kita sudah berjaya, RISDA sudah berjaya meningkatkan pendapatan tambahan sebanyak RM900 lebih sebulan secara purata dari segi aktiviti ini.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Tuan Pengurus, boleh saya buat tambahan sedikit. Sebenarnya usaha yang dibuat, ternakan lembu ini, mungkin boleh menjawab soalan pertama nanti, saya akan tambah lagi. RISDA menasarkan pada 2020, pendapatan pekebun kecil per keluarga mencapai RM4,000 *per family*. Dalam usaha ini, kita tidak boleh bergantung harap, kerajaan pun menerima *argument* ini bahwasanya kita tidak boleh bergantung harap semata-mata kepada tanaman getah ataupun tanaman hakikilah. Ini kerana, daripada kajian kita, pekebun kecil ini memiliki puratanya 2.25 hektar sahaja.

Kita telah melakukan kajian, kalau harganya kita cap RM10, RM10 dengan 2.5 hektar *they only can get* sekitar RM3,000 sehingga RM3,100 sahaja dengan produktiviti 2,000 kilogram sehektar getah. Oleh yang demikian, kita mempunyai lompong RM1,000 lagi untuk menjadikan mereka RM4,000 pada 2020 supaya mereka tidak terpinggir dengan pendapatan tinggi negara pada masa tersebut.

Oleh yang demikian, kerajaan bersetuju RISDA mencari jalan-jalan dan model-model terbaru supaya benda itu dapat dicapai. Oleh yang demikian, kerajaan telah meluluskan skim yang dinamakan skim Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan. Di mana setiap pemilik kebun kecil yang layak, *owner operator* dan memiliki tanah-tanah dengan syarat yang ditetapkan, untuk mendapat bantuan RM10,000. Pada masa tersebut, kita mempunyai masalah untuk mendapatkan baka-baka yang sesuai. Lembu, kambing dan sebagainya.

Oleh yang demikian, kerajaan melalui PEMANDU membenarkan kita untuk membuat ternakan lembu ini dengan syarat, harga mestilah diberi harga subsidi kepada pekebun kecil. Ini kerana dengan RM10,000 sahaja, mereka hanya boleh dapat dalam sekitar – kalau harga *based on market price, they get only* dua ekor atau tiga ekor sahaja. So, dengan harga subsidi ini mereka boleh dapat empat atau lima ekor.

Sebab itu RISDA ditetapkan pada masa tersebut untuk menjual seekor lembu, besar yang tertentu, mesti tidak melebihi RM1,500 satu ekor. Sekarang ini kita tahu Tuan Pengurus, RM3,000 lebih seekor lembu. So, yang itulah berlaku sedikit kekurangan pendapatan tadi. Sekarang ini kita terpaksa memberi benih-benih, baka-baka yang lebih murah kepada pekebun kecil, yang ditetapkan oleh sasarannya kepada RISDA.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Kita balik kepada supaya kita tak keliru *along the line*.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Penubuhan ESPEK Livestock ini betul-betul apa niat ia? Adakah niat ia untuk CSR, *part of the subsidy?* Ataupun komersial?

Kalau itu pemikiran Dato', saya punya cadangan ialah, kita daripada awal kita letak, ini CSRnya iaitu untuk membantu meningkatkan *insya-Allah* RM1,000 sebulan pendapatan *smallholders*. Jadi daripada awal, apabila sesiapa sahaja tengok akaun, dia tahu bahawa ini sebahagian daripada CSR.

And then kalau Dato' tengok dalam akaun pun, kalau CSR kita boleh dapat *rebate tax*, kita boleh dapat macam-macam *rebate*, daripada kita letakkan ini antara tak juga komersil tetapi tak juga CSR.

Jadi, bolehkah kalau RISDA memikirkan balik asal penubuhan ini? Adakah ia hendak komersil ataupun ia hendak subsidi ataupun CSR?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Sebenarnya penubuhan awal...

Tuan Pengerusi: Dato', kalau tengok bawah syarikat, akaun nampak cantik. Akan tetapi sebenarnya, kalau tarik keluar subsidi lembu dan sebagainya yang diberikan oleh – geran-geran yang diberikan oleh RISDA dan jabatan kerajaan ini, memang penternakan lembu ini memang rugi lah. Betul tak?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Kalau...

Tuan Pengerusi: Jadi, *there's no point in recording this activity as a company, as a profit center.*

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya.

Tuan Pengerusi: *Because it is not.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Dia akan memberi gambaran yang pengurusan RISDA ini kurang bagus. Padahal Dato' daripada awal tahu. Jadi sayang, Dato' ada *plantation* yang hebat, ada kilang yang hebat, bila orang baca akaun, nampak RISDA jual lembu pun tak boleh.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: *[Ketawa]*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Itu bagi kamilah. Supaya aktiviti – persepsi rakyat kepada pengurusan RISDA itu lebih baik kalau kita berterang dengan mereka.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Boleh saya ulas? Tuan Pengerusi, pertama sekali, usaha syarikat ini adalah dua bentuk. Satu memang CSR. Satu lagi juga merupakan entiti *business*. Ini kerana CSR ini memerlukan, yang kata awak tadi hendak bersubsidi itu, ia memerlukan sumbangan daripada kerajaan untuk kita membiayai. Kerajaan hanya beri masa tersebut, tidak berterusan untuk pergi ke ini. Ia hanya beri pada masa tersebut sahaja. Macam *one-off*.

Satu lagi, kajian mendapati RISDA mempunyai ladang-ladang yang besar, ladang sawit kita dan sebagainya. Yang ini lah yang hendak digunakan untuk tempat *grazing* dia, tempat *feedlot* dia. Kalau dia hendak beri agensi lain, agensi lain tak ada. Sebenarnya untuk makluman Tuan Pengerusi, RISDA lah antara agensi-agensi yang berani untuk menerima tanggungjawab ini *because* bukan senang untuk *involve* dalam bidang ternakan ini.

Jadi yang demikian, subsidi kita terus beri. Dalam bersama-sama, apabila kerajaan tidak memberi berterusan sekiranya, RISDA akan terus membuat ternakan ini di ladang-ladang mereka. Akan tetapi syarikat ini juga akhirnya akan memberi CSR kepada pekebun kecil. Kita akan ambil sekitar 6% daripada keuntungan mereka untuk dipulangkan kepada pekebun kecil dalam pelbagai bentuk. Dalam bentuk biasiswa, dalam bentuk projek-projek ekonomi tambahan, dalam projek-projek kumpulan wanita. Kita ada beri balik. Kita beri van jenazah contohnya. Berbagai-bagai melalui keuntungan yang diterima oleh syarikat kita.

Tuan Pengerusi: Cuma satu sahaja Dato'. Saya sejak setahun lebih ini, sepatutnya sistem akaun akruan sudah dilaksanakan tahun ini.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi sudah ditangguhkan.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ya lah. Kalau tak, sudah laksana sudah. *[Ketawa]* Jadi, bila sistem akaun akruan ini dilaksanakan, akaun ini kena menunjukkan ia punya segregation antara commercial activity dengan CSR.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya.

Tuan Pengerusi: *Very clear.* Ini kerana akhirnya, Dato' sebagai Ketua Pengarah akan dipertanggungjawabkan kepada aset dan liabiliti dan juga operasi. *You have to prepare your own financial statement.*

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya.

Tuan Pengerusi: *And you have to take responsibility.*

■1310

Kalau perkara ini masih dicampuradukkan lagi – matlamat bagus akan tetapi dari segi penjelasan nak diberikan dari segi akaun itu tidak nampak. Fasal dia dah campur adukkan. Jadi, nampak macam ia adalah aktiviti yang mencari keuntungan tetapi pada waktu yang sama dia CSR.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya, saya terima baik cadangan itu Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jadi, saya rasa daripada sekarang ini RISDA kena memikirkan juga untuk nak menyatakan akaun itu dengan lebih tepatlah. Mana portion yang untuk kewangan, mana portion untuk CSR.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Cadangan baik.

Tuan Pengerusi: Jadi senang.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Kita akan...

Tuan Pengerusi: Lagi satu adalah mengenai mewujudkan pegawai aset dalam RISDA juga yang akan memastikan bahawa aset dikenal pasti dan dipadankan dengan liabiliti.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya.

Tuan Pengerusi: Fasal sekarang ini campur aduk. Geran kerajaan, sumber pinjaman. RISDA ada pinjaman?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Kita kalau – kita tak memberi pinjaman, kalau nak buat pinjaman kita kena minta Kementerian Kewanganlah.

Tuan Pengerusi: Ya lah, maknanya pengasingan di antara aset dengan liabiliti itu kena jelas.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Saya ingat saya setujulah Yang Berhormat. Kita akan ambil kira itu sebab dengan sendirinya pada pandangan saya Yang Berhormat punya saranan itu, kita dapat jelas bahawasanya kalau berlaku kerugian pun kerana CSR. Kalau keuntungan pun dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Jadi senang. Jadi isu ini tidak timbul dalam laporan Ketua Audit Negara.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Isu ini timbul kerana kita tak nampak dia punya pengasingan itu.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya, terima kasih.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Bila orang dah baca, baru kita nak jelas. Orang dah register.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Dia punya *mindset* itu dia dah nampak. Ini contohnya kata *whatever* keuntungan dari segi komersial *livestock*, kita boleh dividen kan kepada RISDA *property*. RISDA *property* buatlah CSR *properly* dan CSR pun dalam bentuk yang besar.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Okey.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Kalau tidak orang ini buat sedikit, orang ini buat sedikit, dia mungkin sampai kepada orang yang sama pula nanti.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Okey. Kita akan laksana.

Datuk Seri Ibrahim bin Muhamad: Seterusnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi dari segi *livestock* ini kambing, isu kambing Boer yang dikatakan juga rugi. Sebenarnya ini disebabkan oleh harga juga. *Price competition*. Harga tempatan sebenarnya lebih tinggi daripada harga import kalau ikutnya. So, *that is why* dia tak boleh nak *compete* dan sama ada harga ini dijual secara hidup ataupun dijual secara yang dah disembelih. Saya difahamkan RISDA telah cuba *exit* daripada program ini.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Yang minta *exit* nya anak syarikat berkenaan...

Tuan Pengerusi: Oh!

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: ...Akan tetapi sebab harta ini milik RISDA, so cadangan pelupusan itu hendaklah diserah kepada RISDA dan sekiranya harga nilai pelupusan itu lebih RM500,000 ke bawah, di peringkat RISDA sahaja akan tentukan. Selebihnya kena pergi kementerianlah untuk lupuskan.

Tuan Pengerusi: Nak lupus lembu pun kena ada kelulusan kementerian ya? Lupuskan kambing.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Dan kena dapat kelulusan daripada Jabatan Veterinar pula.

Tuan Pengerusi: Veterinar pula. Maknanya *you are not in the business of kambing anymore?*

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Macam itulah boleh disimpulkan.

Tuan Pengerusi: Lembu *you are still, still* lembu, kambing *is not* lah?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Seri Ibrahim bin Muhamad: Yang Berhormat Tuan Pengerusi sekarang ini mungkin KP RISDA nak bagi komen dari segi RISDA Bina tadi yang terlibat dalam *property*. Saya ingat dia ada jawapan.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Okey. Yang Berhormat dan Yang Berhormat sekalian, sebenarnya apa yang RISDA bergerak hari ini adalah berdasarkan Akta RISDA dan Ordinan RISDA 1952. Akta RISDA 1985. Di mana semasa 1952 dulu, RISDA ini di bawah Lembaga Perusahaan Getah Tanam Semula. Tahun 1973, RISDA diwujudkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak pada masa tersebut dan masa diumumkan, RISDA pada masa tersebut dibenarkan untuk buat aktiviti yang pelbagai, ke arah untuk mewujudkan pekebun kecil yang sejahtera. Luas *job scope* nya.

Dalam mewujudkan pekebun kecil yang sejahtera itu, RISDA diberi pendekatan untuk membangunkan tidak hanya pokok tetapi komuniti getah. Committee ini maksudnya pekebun kecil, anak-anak, ibu bapa, keluarga wanita dan sebagainya. Oleh yang demikian, dalam saranan ataupun yang digarispandukan oleh akta kita dan amanat Tun Abdul Razak tersebut, RISDA dikatakan untuk membangunkan komuniti, oleh yang demikian, RISDA dibenarkan untuk terlibat apa juga aktiviti yang boleh menyumbang ke arah pendapatan pekebun kecil. Ke arah kesejahteraannya. Maknanya tidak terikat kepada aktiviti getah sahaja. Oleh sebab itulah RISDA pada masa tersebut dibenarkan menanam 14 tanaman. Bukan getah sahaja. Sawit, getah, malah padi, stevia dan pelbagai aktiviti yang RISDA boleh buat dan tanaman.

Dalam masa sama, ke arah untuk membangunkan masyarakat luar bandar tadi, RISDA juga ke arah menyumbang pendapatan tadi, terlibat dengan aktiviti ekonomi tambahan. Aktiviti kumpulan wanita, aktiviti koperasi, aktiviti prasarana jalan kampung pun RISDA buat. Sebab apa, kalaularah dia *develop* satu

kawasan dan di dalam kawasan dan nak mengeluarkan hasil getah ataupun hasil mahsul mereka itu, dia memerlukan jalan raya. RISDA dibenarkan juga untuk terlibat dalam pembinaan jalan raya, jalan pertanian dan sebagainya.

Oleh yang demikian, aktiviti RISDA tidak hanya bertumpu kepada aktiviti getah sahaja. Jadi Tun Abdul Razak, nantilah saya baca lain kali. Panjang ceritanya. Jadi nak ceritanya, RISDA masa sebut slogannya "*Man Behind The Tree*". Maknanya kita tidak hanya membangunkan pokok tetapi manusia belakang getah itu. Itulah lahirnya ditubuhkan universiti ataupun kolej, dulu panggil Institut Latihan RISDA sahaja untuk latih pekebun-pekebun kecil kita, teknologinya untuk menanam baik, amalan pertanian yang baik, untuk memberi galakan ekonomi tambahan, mereka berkoperasi, mereka berkumpulan, aktiviti rumah tangga dan sebagainya. Itulah RISDA berkembang.

Balik kepada RISDA Bina tadi, sebenarnya pada tahun 1995 RISDA ini satu masa nak dikorporatkan. Nak dikorporatkan atau *corporatized*. Apabila RISDA nak dikorporatkan, Kementerian Kewangan atau kerajaan pada masa tersebut memutuskan yang RISDA mesti sara diri, mencari duit sendiri untuk menyara pendapatan, menguruskan segalanya. Dengan demikian, kerajaan telah memotong pendapatan RISDA, mengurangkan belanja emolumen kita, dan pada masa tersebut, RISDA memikirkan dan mencari jalan macam mana untuk memperoleh pendapatan.

RISDA pada masa tersebut, kita ada aset seluruh negara, harta, tanah dan sebagainya. Jadi RISDA memohon pada MOF, kerajaan untuk menubuhkan sebuah syarikat yang dinamakan Binaris. Bina RISDA atau Binaris untuk membangunkan dan ini boleh menjanakan pendapatan pada RISDA dan boleh menyara RISDA sendiri. Antara salah sebuah syarikat. Maka, tertubuhlah Binaris. Apabila masa telah berlalu, syarikat tersebut dinamakan RISDA Bina. Jadi itulah alkisahnya atau permulaannya RISDA Bina ditubuhkan.

Tuan Pengerusi: Jadi Binaris ambil alih daripada...

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Waktu Cerah.

Tuan Pengerusi: Waktu Cerah, ya lah.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Dia ambil Waktu Cerah dan diarahkan untuk *certain term*, syarat-syarat tertentu dari segi memulihkan kawasan ini dan sebagainya. Itu yang kita bina di Sungai Petani dan sebagainya. Dalam masa yang sama Yang Berhormat, kita membangunkan tanah-tanah RISDA untuk menjana pendapatan dan sebagainya. Itu dia sejarahnya.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, adakah perkara itu merupakan perkara yang wajar kerana banyak lagi pemaju yang berkaliber, lebih kompetitif daripada RISDA Bina. Kenapa RISDA tak buat *joint venture* terus sahaja dengan syarikat-syarikat berkenaan?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Okey, saya nak jawab ya Yang Berhormat. Baru-baru ini kita ada buat cubaan untuk bekerjasama dengan pihak lain. Kita pergi ke UKAS dan

sebagainya akhirnya ada *reservation* dari pihak kerajaan bertanya kita mengapa kita pula harus bekerjasama dengan pihak lain?

Jadi kita sekarang ini benda itu *pending to Ministry of Finance*. Kita nak bergerak pun serba salah. Sama ada nak jadi sebuah syarikat pemaju, kalau kita tak ada keupayaan, kita nak bekerjasama dengan orang lain. Nampaknya bila kita nak bekerjasama dengan pihak lain pun kita ada sedikit masalah untuk meyakinkan mereka.

Tuan Pengerusi: Kementerian Kewangan, kenapa tak yakin dengan RISDA?

■1320

RISDA tidak hendak ambil tanggungjawab buat rumah tetapi mereka pula cakap mereka patut buat rumah. [Ketawa]

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Cuma begini Yang Berhormat, kita sekarang ini bukan hendak membangunkan tanah orang lain. RISDA Bina hanya membangun tanahnya sendiri sahaja. *Our own land* yang sudah ada dekat kita. Oleh sebab itu syarikat ini bukan untuk jadi pemaju dengan syarikat swasta. Macam di Sungai Petani, *our own land*, di mana-mana tempat yang kita hendak, Batu Pahat dan sebagainya *our own land*. Kita tidak membangunkan tanah-tanah orang lain, tanah milikan RISDA sendiri.

Tuan Pengerusi: Betul, saya faham. Akan tetapi soalnya sekarang ini rumah yang dibuat itu bukan dijual kepada pekebun RISDA pun, satu. Kedua, *you* hendak *compete in the open market*, bukan senang hendak buat rumah ini.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Saya faham Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *That's why* bagi PAC lah, pandangan tadi kita bincang, lebih baik *you digest direct* sahaja dengan pemaju. Fasal *your contribution is the land*, lepas itu mereka majukan, *and then you get your return* lah *either in the form of completed house atau pun share of profit kah, dividen dan sebagainya*. Lebih mudahlah. Jadi *you* fokus kepada aktiviti-aktiviti yang lain, yang tadi *you* sebut hendak tingkatkan pendapatan pekebun.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Cuma Tuan Pengerusi, bagi yang kita bagi cadangan sekarang ini yang kata kepada pihak luar lah, pakej penyelesaian waktu cerah sahaja. Yang itu sahaja, yang kemudian ini akan bentuk seperti mana Tuan Pengerusi katakan tadi.

Tuan Pengerusi: Saya dimaklumkan oleh audit bahawa RISDA sudah kenal pasti beratus ekar tanah untuk hendak dimajukan sebagai projek perumahan. Oleh sebab itu tadi kita tanya *mode dia lah*, kalau dia hendak pakai RISDA Bina kah atau pun *you* hendak pakai JV dengan syarikat hartanah yang betul-betul berwibawa lah. Jadi itu sahaja kita punya *reservation*. Cara *you* hendak buat itu, itu *up to the Board* lah. Akan tetapi dari segi PAC lah, kami pandang perkara ini satu perkara yang lebih wajar kalau

buat *direct joint venture between RISDA dengan capable developer* lah daripada hendak melalui RISDA Bina.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Kita ambil perhatian serius Tuan Pengerusi.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Jadi macam projek Sungai Petani ini, yang rumah separuh lagi belum habis dijual.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya, separuh sudah baru dijual. Oleh sebab itu dalam kaedah-kaedah saya lihat Lembaga Pengarah syarikat ini telah memperuntukkan sejumlah duit untuk mengadakan pemasaran yang lebih agresif supaya tanah-tanah ini atau lot-lot atau pun rumah ini dijual.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Kesemua ini dijual kepada orang luar ya, bukan kepada pekebun kecil kah atau waris-warisnya, bukan ya? Ini semua...

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Terbuka Yang Berhormat.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Terbuka ya.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ada juga dalam kalangan keluarga pengusaha ada juga beli tetapi mengenai harga itu mungkin tidak mampu mereka belilah sebab – tetapi saya katakan Yang Berhormat, ini adalah pakej penyelesaian waktu cerah yang telah dimaksudkan kepada pihak dahulu semasa kes lama itu. Selepas ini saya rasa cadangan Yang Berhormat tadi akan diambil perhatianlah supaya dibangunkan melalui syarikat-syarikat berwibawa.

Tuan Pengerusi: MOF jangan halang lah. [Ketawa]

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Ataupun macam contoh Datuk, macam Tradewinds, apabila dia hendak buat *development*, dia *work* dengan UDA. Kesemua *blanket* tanah, ada tanah cantik, ada tanah tidak cantik, tetapi Dato' cuma satu sahaja masalahnya enam bulan yang pertama koordinat dengan UDA kah, PNB, Sime Darby kah, SP Setia kah, serah tanah itu kepada – *then* RISDA akan dapat dia punya *return*. Daripada kita pula hendak buat satu syarikat untuk harta tanah, selepas itu kita – ialah RISDA mungkin tidak cukup pengalaman sedia tanah untuk hendak *negotiate the best deal*. Mungkin cara macam itu *not on piecemeal. Look at the total blanket* punya harta tanah yang ada ini.

Tuan Pengerusi: Kerajaan pun kadang-kadang bersalah juga. Sudah ada UDA dahulu – saya pernah jadi Pengerusi UDA, selepas itu buka PR1MA pula. Jadi sudah jadi *competitor* pula. Ini sekarang you ada RISDA Bina pula. Akan tetapi RISDA Bina ini kira sudah lamalah.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Sudah.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi kerajaan buka lagi yang baru kan. So, jadi *last* sekali pertindihan ini juga akan menyebabkan *duplication of resources*.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Saya akan maklum kepada Lembaga Pengarah dan meminta mereka melakukan seperti mana saranan Tuan Pengerusi tadiyah. Oleh sebab

penyelesaian dengan kes Sungai Petani ini yang telah masuk ke Danaharta ini, *I think we go for the new suggestion* – itulah usaha terkini kita hendak bangunkan Batu Pahat. Model yang Tuan Pengerusi sebut tadi itu kita telah bentangkan pada UKAS. Sebab *everything we have to go to Kementerian Kewangan to make sure everything is in order and UKAS* lah.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Itu saya kata kadang-kadang RISDA mungkin atau pun samalah semua. *They go into piecemeal*, satu tanah, okey satu. Lebih baik *to me the totality* lah, keseluruhannya itu dan kita tidak payah *every deal* hendak kena *run through* ini.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Biasanya kita *offer best proposal* lah. Kita kata tanah ini sekian-sekian, kita ada tanah 50 hektar yang kita hendak bangunkan. Kita letak dalam *paper* dan sebagainya. *So siapa yang best proposal and best return, then we appoint there. Before the project to be launched, we have to get approval from MOF.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Bukan, maksud saya contohnya saya rasa yang Sungai Petani ini kalau ikut apa yang audit beritahu, tahun 1995 was *the best deal*.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: RISDA patut dapat RM12 juta. *I am sure you have gone through that.* Akan tetapi apa yang berlaku kerana kita *work on piecemeal* ini, akhirnya RISDA pula hendak kena keluarkan hampir 17 juta. Sudah tidak dapat RM10 juta, kalau ikut segi audit itu kena keluarkan RM17 juta untuk selesaikan masalah lama.

Tuan Pengerusi: Yang bayar pada Danaharta hendak ambil balik projek itu.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Itu, itu..

Tuan Pengerusi: Itu sebelum masa Dato' lah.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Itu sebelum masa saya. Masa saya *insya-Allah* terkawal. [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Itu kita tidak meletakkan beban kepada Dato'. [Ketawa]

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Cuma sebagai contoh sahaja.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *I am sure semasa itu pun, siapa sahaja Lembaga RISDA, would have done the best negotiation lah, and come out with the best deal.* Akan tetapi *yet because* kita semua baru, kita baru sebab kita tidak ada pengalaman dari segi hartanah, so siapa sahaja pemaju yang hendak masuk ini, dia macam-macam ada dalam sleeve dia ini. Dia macam-macam. *So end up you find the small guys, you inherit all these issue sampai sekarang kan.* So, dalam RISDA banyak-banyak itu, ini yang timbulnya. Perumahan bukan RISDA punya core, lembu inilah bukan RISDA punya core, padahal core RISDA itu semua *alhamdulillah*. Oleh sebab itu sayangnya bagi saya itu.

Tuan Pengerusi: Okey Dato'. Ada soalan lain? Last sekali itu kolej itu sahaja. Macam mana prestasi kolej itu sekarang fasal kami dimaklumkan oleh Jabatan Audit Negara tadi bahawa sekarang ini sudah jadi universiti dan *student* nya memang *student* yang luar lah, *student* luar negeri pun ada. Sudah jadi macam *commercial venture* pula.

Akan tetapi *education line* ini *very risky* fasal kalau *student* tidak dapat pembiayaan –selalunya IPTS dekat negara ini hidup kerana PTPTN lah. Kalau PTPTN sudah ada hutang sekarang ini RM54 bilion, tidak larat sudah kot. Jadi *not a good business to be in* lah *education* ini. Jadi apakah komen Dato' mengenai universiti RISDA ini?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali universiti ini kita panggil Agrosains UCAM ya, Universiti Agrosains Malaysia. Universiti Agrosains Malaysia berlaku transformasi panjang. Ia dahulunya pusat latihan RISDA sahaja. Selepas itu *transfer* kepada Institut Latihan RISDA, selepas itu jadi Kolej RISDA dan akhirnya jadi sebuah universiti kolej. Akan tetapi dalam melaksanakan kelulusan oleh *Ministry of Education*, RISDA ada syaratnya. Mesti pengambilan pelajarnya di kalangan anak-anak luar bandar, khususnya anak pekebun kecil, itu syaratnya. *It must be not less 50% of the intake must be from the rural group people.*

Selebihnya boleh diambil kepada pelajar-pelajar dari luar negara. Ini kerana dalam untuk menubuhkan sebuah universiti, syaratnya mesti ada komponen pelajar-pelajar luar negara. Kalau tidak dia tidak akan bagi kelulusan itu. Sekurang-kurangnya peringkat awal ini 5% mesti *studentnya* dari luar negara. Jadi kita kena berusaha ke arah itu. Jadi macam mana penajaan itu? Itulah tadi keuntungan-keuntungan yang diberi oleh anak-anak syarikat RISDA ini, kita 'paw' sikit ayat dia. Kita ambil duit sekitar 6%, mereka pulangkan keuntungan mereka kepada ini dan kita bagi balik kepada pekebun kecil dengan memberi pembiayaan sama ada pembiayaan percuma ataupun biasiswa dan ada yang hendak pergi lebih tinggi lagi kepada pinjaman.

Jadi dalam masa yang sama, kita juga *twinning* dengan universiti-universiti tempatan yang lain. Universiti Putra Malaysia, UiTM dan juga UMK dalam bidang *master* dan sebagainya.

■1330

Jadi, dengan adanya sinergi ini kita boleh kembangkan lagi keupayaan kita dan bidang-bidang yang ditawarkan kepada mereka ini adalah bidang-bidang berkaitan dengan luar bandar. Jadi dalam masa yang sama juga, UCAM ini akan berkolaborasi dengan universiti-universiti berkaitan hal ehwal pertanian ini. Contohnya, di Bandung atau universiti sebelah Thailand dan sebagainya supaya kita dapat ilmu pengetahuan yang lebih meluas dalam bidang pertanian dan teknologi-teknologi terbaru.

Satu lagi, kita hendak beri peluang koridor kedua kepada anak-anak pekebun kecil kita kerana *to compete* IPTA yang lain, mereka kadang-kadang mempunyai kesukaran untuk memasuki. Di bawah UCAM ini, kita ada macam kadet punya *style*. Kita beri dia pergi ke sijil. Kalau dia syarat tidak cukup,

katalah dia dapat 3A, kita hantar ke sijil dahulu, selepas sijil kita beri diploma *and then will go for the rest higher*. Jadi dengan sendirinya kita buka ruang luas kepada masyarakat luar bandar, khususnya pekebun kecil untuk mendapat pendidikan dan akhirnya dia dapat bekerja. Sebahagiannya sudah kerja di RISDA juga, ada.

Tuan Pengerusi: Berapa *percentage* sekarang ini yang anak-anak RISDA berbanding dengan anak-anak dari luar bandar...

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Anak RISDA tidak ada, anak pekebun kecil. Kebanyakan anak pekebun kecil.

Tuan Pengerusi: Sekarang ini tidak ada sudah. *[Ketawa]* Anak pekebun kecil bawah RISDA?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Anak pekebun kecil seluruh negara, tidak kira...

Tuan Pengerusi: Maknanya sudah luas daripada RISDA punya sendirilah.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Anak pekebun kecil. Apa yang dimaksudkan dengan pekebun kecil ialah sesiapa yang memiliki tanah kebun getah 100 hektar ke bawah, maknanya dia layak untuk mendapat peluang pendidikan ini. Dengan ini kita dapat pembiayaan, kita bantu mereka dapatkan PTPTN, kita bantu dapatkan MARA dan RISDA juga ada memberi pembiayaan dan sebagainya. Dengan ini kita dapat menyumbang ke arah RM4,000 tadi, yang kita hendak capai akhir 2020 itu. Katalah dia satu keluarga, RM4,000 satu keluarga Yang Berhormat. Maknanya anak dia pergi belajar, dapat pendidikan, kerja. *Perhaps they can return back some of the pendapatan gaji mereka kepada family dia*. Jadi dengan sendirinya...

Tuan Pengerusi: *So long-term future of this university tidak ada masalah financial kalau RISDA backing?*

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Setakat ini syukur *alhamdulillah*. Oleh sebab itu UCAM sekarang ini menunjukkan keuntungan meningkat setiap tahun. Yuran yang kita kenakan kepada anak-anak pekebun kecil Yang Berhormat, dikawal oleh Kementerian Pendidikan. Kita tidak boleh naik sembarangan macam pihak swasta lain. Kita ada kawalan, daripada segi asramanya berapa, makan minumnya berapa, kita tidak boleh sembarangan hendak naik. Ini kerana dalam konteks ini ada unsur CSR jugalah sebenarnya.

Tuan Pengerusi: Jadi sekarang ini objektif RISDA betul-betul luaslah ini?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Ya. Seperti saya kata tadi, seperti mana amanat Tun Razak tadi, kita membangun komuniti, bukan membangun hanya pokok getah sahaja.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, *I mean I am not trying to stop your excitement. I want to go back to what I said just now, I would rather RISDA, you invest in your college. All the money*

yang Dato' spend dalam kolej itu, membangunkan kolej itu, *you buy another good running college, 20%, 25%*. Duit RM4,000, RM5,000 sebulan, *subsidize* terus kepada mereka daripada Dato' sendiri hendak pergi mesyuarat, pakai topi sekejap hendak tengok sawit, lepas itu hendak pergi tengok *education*, penat Dato'. *I think I would rather you go into that kind of investment supaya kolej itu akan jadi a full class college.*

RISDA, objektifnya macam Dato' kata tadi bukan untuk duit sangat, hendak pastikan anak RISDA dapat *the best education*, hendak pastikan *the corridor of community is improve* supaya *you are more focus* daripada RISDA *going down into this kind of subsidiary*. Ini saya punya pendapat Dato', Dato' tidak payah ikut. *I am coming up from – Be more focus, you become a good equity partner.*

Tuan Pengerusi: Kita di PAC sentiasa melihat kepada rasionalisasi. Ini kerana *at the end of the day, RISDA is still funded by government grant. So, if you are duplicating, FELDA duplicating, FELCRA tidak ada...*

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: FELCRA corporatized.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Ada kolej juga? See, everybody has got a college. So you know, *the duplication of resources is all through the system.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Kalau boleh rationalize aktiviti-aktiviti GLC yang berkaitan ini, *then we can achieve saving. Cost saving juga.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Itu you hendak sentuh majlis agama, sentuhlah. [Ketawa]

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Jadi, ada soalan lain?

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Itu sahaja Yang Berhormat? Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Kalau tidak ada soalan lain, saya hendak berterima kasih kepada Jabatan Audit Negara. Sudah dengar ya? Ini kerana Jabatan Audit bawa isu ini dalam Laporan Ketua Audit Negara. [Ketawa] Akan tetapi kita di PAC, kita hendak *highlight* juga apa yang RISDA buat, jadi orang faham. Sekarang ini, Laporan Ketua Audit ini begitu sensitif. Dia benda kecil boleh jadi besar. Jadi kalau tidak dijelaskan dengan baik, nanti rakyat ingat ada pembaziran, ada penyelewengan dan sebagainya. Akan tetapi selepas penjelasan Dato' tadi, kita tidak nampak ada apa-apa yang ada dibazirkan atau penyelewengan dan sebagainyalah. Saya rasa boleh berpuas hatilah kita pada hari ini dengan Dato' punya ini. Tidak semua Dato'. PAC ini, tidak semua kita beri rating puas hati lepas datang pembentangan. Akan tetapi hari ini saya rasa...

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Boleh tepuk meja sedikit? *[Ketawa] [Tepuk]*

Tuan Pengerusi: Boleh. *[Ketawa]*

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Ibrahim bin Muhamad: Bagi pihak kementerian, saya ucap terima kasih dan kita ambil maklumlah atas segala teguran-teguran itu. *Insya-Allah* kita akan terus memperbaiki. Saya pun sudah agak dari mula tadi, saya nampak isu ini tidak berapa... *[Ketawa]* Terima kasih anyway...

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Kirim salam kepada Menteri, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *As your reward, lunch is serve.*


Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi: *Thank you Dato'.*

Dato' Sri Haji Wan Mohamad Zuki bin Mohamad: Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.36 petang]

**DOKUMEN
PEMBENTANGAN**



**PENGURUSAN SYARIKAT MILIK
PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN
GETAH (RISDA)**

3

1. LATAR BELAKANG			
PERIHAL	ESPEK Sdn Bhd	ESPEK Plantation	ESPEK Livestock
Ditubuhkan	11 Julai 1981	30 Julai 1998	26 Februari 1999
Modal Dibenarkan / Modal Berbayar	RM250 juta / RM20 juta	RM25 juta / RM6 juta	RM10 juta / RM5.5 juta
Aktiviti	Agen Pengurusan Dan Pembangunan Ladang Kelapa Sawit, Getah Dan Kilang Milik RISDA , Di Samping Pemprosesan Dan Pemasaran Baja Organik, Perkhidmatan Analisis Makmal Agronomi, Pengkajian Tanah, Pemetaan Digital GPS/GIS Dan Pengurusan Ladang RASCOM Di Sibu, Sarawak.	Kerja-kerja Perkhidmatan Dan Bekalan Dalam Sektor Perladangan Dan Perkilangan Sawit Seperti Kerja Pembangunan Tanah, Penuaan, Pengangkutan Dan Pemasaran Buah Tandan Segar Serta Penyelenggaraan Ladang.	Penternakan Lembu Secara Integrasi Dan Fidlot, Pengeluaran Baja Organik, Pengeluaran Batu Garam Dan Penternakan Kambing Boer.

**PENGURUSAN SYARIKAT MILIK
PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN
GETAH (RISDA)**

4

2. Objektif Pengauditan
Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan Syarikat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.





**PENGURUSAN SYARIKAT MILIK
PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN
GETAH (RISDA)**

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

6

4. Isu Audit

4.1 PRESTASI KEWANGAN			
PERIHAL	ESPEK Sdn. Berhad	ESPEK Plantation Sdn. Berhad	ESPEK Livestock Sdn. Berhad
Prestasi Kewangan Bagi Tahun 2009 - 2013	BAIK	BAIK	BAIK
Keuntungan Terkumpul Sehingga 31 Disember 2013	RM21.78 juta	RM4.45 juta	RM6.14 juta



**PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH
PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK PLANTATIONS SDN. BERHAD**

9

PRESTASI KEWANGAN ADALAH BAIK

ANALISIS NISBAH KEWANGAN EPSB BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013

BUTIRAN	TAHUN				
	2009	2010	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	1.66:1	2.07:1	2.70:1	2.32:1	1.57:1
Margin Untung Bersih (%)	2.8	1.9	1.5	1.6	1.6
Pulangan Atas Aset (%)	14.9	20.7	15.8	13.6	7.7
Pulangan Atas Ekuiti (%)	21.3	39.5	39.4	35.9	29.9

Sumber: Penyata Kewangan EPSB

- Keuntungan selepas cukai berterusan bagi tahun 2009 - 2013.
- Nisbah Semasa melebihli 1 menunjukkan syarikat masih berupaya untuk memenuhi tanggungan jangka pendeknya.
- Margin Untung Bersih adalah kecil disebabkan perolehan kontrak kerja perlu melalui proses tender atau sebut harge di mana harge tawaran kontrak yang ditawarkan adalah rendah kerana faktor persefangan.
- Pulangan Atas Aset menunjukkan penurunan dari tahun 2011 sehingga 2013 iaitu 15.8% kepada 7.7%.
- Pulangan Atas Ekuiti menunjukkan trend nekad turun.
- Sehingga 31 Disember 2013, keuntungan terkumpul EPSB berjumlah RM4.45 juta.

9

**PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH
PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK LIVESTOCK SDN. BERHAD**

9

PRESTASI KEWANGAN ADALAH BAIK

ANALISIS NISBAH KEWANGAN ELSB BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013

BUTIRAN	TAHUN				
	2009	2010	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	3.81 : 1	4.92 : 1	3.64 : 1	5.47 : 1	4.11 : 1
Margin Untung Bersih (%)	6.8	4.7	2.9	6.4	19.5
Pulangan Atas Aset (%)	2.8	1.4	1.1	2.9	8.5
Pulangan Atas Ekuiti (%)	14.3	6.8	5.3	11.9	33.4

Sumber: Penyata Kewangan ELSB

- Prestasi kewangan ELSB bagi tahun 2009 - 2013 adalah baik.
- Nisbah Semasa melebihli 2 – menunjukkan ELSB mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya.
- Peningkatan Margin Untung Bersih pada tahun 2012 dan 2013 menunjukkan ELSB berupaya menjana keuntungan daripada pendapatan yang diperoleh.
- Peningkatan Pulangan Atas Aset pada tahun 2012 dan 2013 menunjukkan pulangan bersih terhadap setiap ringgit yang digunakan.
- Sehingga 31 Disember 2013, keuntungan terkumpul ELSB berjumlah RM6.14 juta.

**PENGURUSAN SYARIKAT MILIK
PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN
GETAH (RISDA)**

JAKIM AUDIT NEGARA
MALAYSIA

11

4. Isu Audit

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI

PERIHAL	ESPEK Sdn Bhd	ESPEK Plantation	ESPEK Livestock
Pengurusan Aktiviti	Memuaskan	Memuaskan	Kurang memuaskan

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK SDN BHD - MEMUASKAN

JAKIM AUDIT NEGARA
MALAYSIA

12

Isu 1. Prestasi Pengurusan Ladang Dan Kilang Kelapa Sawit

- Secara keseluruhannya berlaku penurunan yang berterusan terhadap keuntungan dalam pengurusan ladang dan kilang kelapa sawit bagi tempoh 2011 sehingga 2013. Keuntungan ladang menurun sejumlah RM34.77 juta dan RM59.12 pada tahun 2012 dan 2013 masing-masing. Manakala keuntungan kilang menurun sejumlah RM10.19 Juta, RM3.64 Juta dan RM2.90 Juta bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 masing-masing

PRESTASI KEWANGAN LADANG DAN KILANG KELAPA SAWIT BAGI TEMPOH 2011 -2013

BUTIRAN	AKAUN LADANG			AKAUN KILANG		
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Hasil Operasi	380.24	316.63	282.24	312.35	250.27	280.30
Kos Operasi	234.02	205.18	229.91	302.16	246.63	277.4
Keuntungan Bersih	146.22	111.45	52.33	10.19	3.64	2.90
Jum. Aset	1,286.91	1,327.71	1,305.47	64.70	72.75	85.54
Jum. Liabiliti	39.37	24.73	22.02	17.72	21.25	5732.07
Keuntungan Terkumpul	1,130.30	1,224.27	1,254.88	20.62	24.26	27.16

13

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK SDN BHD - MEMUASKAN



Isu 1. Prestasi Pengurusan Ladang Dan Kilang Kelapa Sawit *Maklum Balas ESPEK*

ESPEK melaksanakan usaha meningkatkan produktiviti ladang melalui Good Agriculture Practices. Usaha mengurangkan kos ladang telah dilaksanakan dengan mengadakan Bengkel Pengurangan kos melibatkan pengurus ladang merangkumi aspek meningkatkan hasil seperti :

- Melaksanakan kerja pembajaan *on time*
- Menebus guna tanah kosong berpaya/rendah dengan teknologi *cambering*
- Penggunaan teknologi cambering di kawasan tanam semula
- Menambahbaik infrastruktur jalan pertanian ladang
- Memperluaskan kerja pengutipan buah tandan segar dengan menggunakan sistem kerbau.

14

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK SDN BHD - MEMUASKAN



Isu 2. Kadar Perahan Minyak

- Kadar perahan minyak (OER) ialah kuantiti minyak sawit mentah yang dapat dihasilkan melalui pemprosesan daripada Buah Tandan Segar. Menurut Manual Rujukan Perladangan ESPEK (Agricultural Reference Manual), OER yang baik adalah pada kadar 20%.
- Purata tahunan OER bagi Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong dari tahun 2011 sehingga 2013 belum mencapai tahap 20% yang ditetapkan. Purata tahunan OER yang terbaik pernah dicapai oleh Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong adalah pada tahun 2011 iaitu 19.92%.

PURATA TAHUNAN OER PADA TAHUN 2011 SEHINGGA 2013

KILANG	TAHUN		
	2011 (%)	2012 (%)	2013 (%)
Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong	19.92	19.67	19.72
Kilang Sawit RISDA Durian Mas	20.26	20.44	20.07

Sumber: Jabatan Perhutani dan Kejuruteraan ESPEK

15

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK SDN BHD - MEMUASKAN

**Isu 2. Kadar Perahan Minyak
Maklum Balas ESPEK**

- OER di Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong telah meningkat pada tahun 2014 berbanding 2013. Purata kadar OER setakat Jun 2014 adalah 20.12%, melebihi 2.02% berbanding purata OER tahun 2013 lalu sebanyak 19.72%.
- Pada masa yang lepas, ESPEK telah melaksanakan tanam semula kawasan berskala besar. Ini telah memberi kesan negatif kepada Kilang Sawit Ulu Keratong kerana terpaksa mendapatkan bekalan Buah Tandan Segar dari luar yang pengeluaran dan kualiti tidak dapat dikawal.
- Mulai tahun 2012, ESPEK telah menetapkan dasar supaya program tanam semula dilaksanakan secara berperingkat.
- Pada tahun 2014, dilianggarkan bekalan Buah Tandan Segar dalaman ke Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong meningkat daripada 137,776 tan metrik kepada 161,404 tan metrik lalu sebanyak 17% menjadikan peratus bekalan Buah Tandan Segar dalaman meningkat daripada 59.6% kepada 69.0%.

16

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK PLANTATION SDN BHD - MEMUASKAN

Isu 1. Prestasi Kewangan Aktiviti

- Lima daripada 10 aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2013 masih belum mencapai keuntungan yang disasarkan lalu penanaman semula, penualan, penorehan, penyelenggaraan dan bekalan Input pertanian lalu hanya mencapai antara 45.2% sehingga 82.5% berbanding sasaran.
- Sasaran keuntungan kasar tidak dicapai kerana EPSB gagal mendapat tender yang ditawarkan. Selain itu, perolehan setiap aktiviti dilaksanakan melalui proses tender atau sebut harga dan kejayaan untuk mendapat projek tertakluk kepada harga tawaran yang terbalik. Oleh itu, untung kasar adalah rendah kerana faktor persaingan.

17

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK PLANTATION SDN BHD - MEMUASKAN



Isu 1.

Prestasi Kewangan Aktiviti Maklum Balas ESPEK Plantation

- Sasaran tahun 2013 tidak dicapai disebabkan kegagalan mendapatkan tender. Mulai tahun 2014, syarikat Induk meluluskan pelaksanaan dasar perolehan baru laju Right Of First Refusal (ROFR) di mana Syarikat Millikan RISDA diberi keutamaan dalam semua jenis perolehan. Selepas pelaksanaan ROFR, EPSB telah mendapat 25 kontrak daripada ESPEK yang berjumlah RM127.3 juta.

18

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK PLANTATION SDN BHD - MEMUASKAN



Isu 2.

Aktiviti Penuaan dan Pengangkutan Buah Tandan Segar

- Perolehan kontrak yang bergantung sepenuhnya dari syarikat Induk laju ESPEK dan penawaran kerja kepada sub kontraktor yang disebabkan kekurangan jentera dan tenaga kerja telah menyumbang kepada untung kasar yang kecil kepada EPSB.
- Jumlah kontrak yang berjaya diperoleh daripada ESPEK bagi aktiviti penuaan dan pengangkutan Buah Tandan Segar adalah masin-masin sebanyak 158 dan 111. Sebanyak 60 atau 38% kerja penuaan buah tandan segar dilaksanakan sendiri oleh EPSB manakala 98 atau 62% kerja ditawarkan kepada sub kontraktor.
- Sebanyak 36 atau 32.4% kerja pengangkutan Buah Tandan Segar dilaksanakan sendiri oleh EPSB manakala 75 atau 67.6% kerja ditawarkan kepada sub kontraktor. Masalah kekurangan jentera dan tenaga kerja adalah antara faktor yang menyebabkan EPSB melantik sub kontraktor.

19

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK PLANTATION SDN BHD - MEMUASKAN



Isu 2. Aktiviti Penuaian dan Pengangkutan Buah Tandan Segar Maklum Balas ESPEK Plantation

- Syarikat telah mula melaksanakan sendiri kontrak yang diperoleh secara berperingkat khususnya dalam kerja penuaian dan pengangkutan buah tandan segar susulan daripada penambahan bilangan Jentera dan tenaga kerja mulai bulan Februari 2014. Kesannya EPSB telah berjaya meningkatkan keuntungan daripada RM4.56/mt pada tahun 2013 kepada RM6.43/mt pada tahun 2014.
- EPSB telah membuat penambahan Jentera pertanian daripada 20 buah kepada 41 buah dan penambahan tenaga kerja daripada 182 orang kepada 576 orang. Kesannya, EPSB telah berjaya mendapat kontrak luar seperti Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang dan lain-lain.

20

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK LIVESTOCK SDN BHD – KURANG MEMUASKAN



Isu 1. Prestasi Penternakan Lembu Integrasi Dan Fidiot

- Secara keseluruhannya ELSB masih belum mencapai kadar kelahiran lembu mengikut Panduan Menternak Lembu Pedaging Pekebun Kecil dari RISDA pada tahun 2012 dan 2013. Kadar kelahiran yang ditetapkan adalah melebihi 60% daripada jumlah Induk. Sasaran kelahiran yang ditetapkan oleh ELSB juga masih belum tercapai.

PENCAPAIAN KELAHIRAN LEMBU BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013

TAHUN	JUMLAH INDUK AWAL TAHUN (Ekor)	UMUR INDUK MELEBIHI 5 TAHUN (Ekor)	SASARAN KELAHIRAN OLEH ELSB (Ekor)	KELAHIRAN SEBENAR (Ekor)	PENCAPAIAN KELAHIRAN YANG DISASAR OLEH ELSB (%)	PENCAPAIAN KELAHIRAN BERBANDING PANDUAN RISDA (%)
	(a)	(b)	(c)	(d)=(c/b)	(e)=(c/a)	
2011	1,637	545	1,785	1,179	66.1	72.0
2012	3,531	2,449	1,408	1,228	87.2	34.8
2013	2,024	1,031	1,061	778	73.3	38.4

21 4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK LIVESTOCK SDN BHD - MEMUASKAN



Isu 1. Prestasi Penternakan Lembu Integrasi Dan Fidlot
Maklum Balas ESPEK Livestock

- Penggantian Induk baru sedang dilakukan dengan perolehan Induk baru melalui Program EPP5. Penambahbaikan laporan sedang dilaksanakan agar kajian punca kelahiran yang rendah dapat dikenal pasti.

22 4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK LIVESTOCK SDN BHD – KURANG MEMUASKAN



Isu 2. Prestasi Penternakan Kambing Boer

- I. Penternakan kambing Boer mengalami kerugian berterusan di mana jumlah perbelanjaan melebihi pendapatan bagi tahun 2011 sehingga 2013.
- II. Sehingga 31 Disember 2013, kerugian daripada aktiviti penternakan kambing ini adalah berjumlah RM1.44 Juta walaupun prestasi jualan kambing ini menunjukkan peningkatan setiap tahun. Pendapatan jualan kambing sehingga tahun 2013 adalah berjumlah RM1.01 Juta manakala kos operasi dan pentadbiran berjumlah RM2.45 Juta.
- III. Hasil jualan ternakan kambing juga tidak mencapai anggaran pendapatan yang disasarkan iaitu hanya mencapai 43.5% bagi tempoh tahun 2011 sehingga 2013.

23

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK LIVESTOCK SDN BHD - MEMUASKAN



Isu 2. *Prestasi Perniagaan Kambing Boer Maklum Balas ESPEK Livestock*

Perbelanjaan melebihi pendapatan bagi tahun 2011 sehingga 2013 antaranya disebabkan oleh kambing kurang sihat, berpenyakit dan kurus semasa diterima pada tahun 2011 di mana syarikat perlu menanggung kos rawatan yang berterusan. Selain itu, kos pembalkan kandang, penanaman semula rumput napier, peningkatan harga makanan yang berkualiti dan pembelian mesin chopper, traktor dan harvester juga menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan. Jualan kambing tidak mencapai sasaran adalah kerana persaingan harga kambing hidup dan harga dagang import.

24

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK LIVESTOCK SDN BHD – KURANG MEMUASKAN



Isu 2. *Prestasi Perniagaan Kambing Boer SAMBUNGAN*

IV. Kelahiran Kambing Tidak Mencapai Sasaran.

Nisbah kadar kelahiran anak yang ditetapkan adalah 1:1 berdasarkan bilangan Induk setahun manakala kadar kematian pada tahap kurang 5% setahun bagi Induk dan pejantan serta 10% kematian anak setahun.

- Ladang RISDA Tanjung Genting**

Kadar kelahiran adalah 0.43:1 (2011) dan meningkat kepada 0.90:1 (2013).

Kadar kematian 26% (2011) berkurangan kepada 15% (2012) dan 12% (2013).

- Ladang RISDA Kampung Awah**

Kadar kelahiran adalah 0.23:1 (2011) dan meningkat kepada 0.81:1 (2012) serta 0.92:1 (2013).

Kadar kematian menurun dari 61% (2011) kepada 29% (2012) dan 21% (2013).

25

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK LIVESTOCK SDN BHD - MEMUASKAN



Isu 2. Prestasi Perniagaan Kambing Boer Maklum Balas ESPEK Livestock

- Kelahiran tidak mencapai sasaran antaranya disebabkan oleh kebanyakan Induk sedia ada telah tua dan kurang produktif, Induk yang diterima mempunyai fizikal yang kurus dan berpenyakit menyebabkan kadar kebuntingan rendah serta pejantan telah tua dan kurang produktif. Antara tindakan yang telah diambil adalah menyingkirkan Induk dan pejantan yang tidak produktif, memperoleh pejantan baru yang produktif dan menaiktaraf anak-anak betina menjadi Induk baru yang mula dilaksanakan pada November 2012. Tindakan ini telah berjaya meningkatkan pendapatan dan jualan serta mengurangkan kerugian syarikat.
- Berdasarkan kerugian berterusan yang dialami, Kertas Kerja Cadangan Penamatan Sebagai Agen Mengurus Projek akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 10 Disember 2014 untuk kelulusan sebelum diserahkan kepada RISDA.

26

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK LIVESTOCK SDN BHD – KURANG MEMUASKAN



Isu 3. Prestasi Projek Lembu RISDA

- Mengikut perjanjian projek, RISDA menanggung kos berjumlah RM10.50 juta bagi perolehan lembu, harta tetap, infrastruktur, buruh, makanan, peralatan, ubatan dan lain-lain keperluan. Setelah tamat tempoh perjanjian, stok dan aset akan menjadi hak milik ELSB. Manakala, ELSB bertanggungjawab untuk mencapai kadar kelahiran yang ditetapkan, mengawal kadar kematian Induk dan pejantan pada tahap kurang dari 5% setahun dan 10% setahun bagi anak lembu.
- Kadar kematian Induk, pejantan dan anak lembu berjaya dikawal iaitu kurang daripada kadar kematian yang ditetapkan. Bagaimanapun, kadar kelahiran anak lembu tidak mencapai sasaran yang ditetapkan sehingga projek berakhir pada tahun 2012. Peratus kelahiran bagi tahun 2010 adalah sebanyak 33.3% berbanding sasaran 45%. Bagi tahun 2011 dan 2012, peratus kelahiran adalah 40.3% dan 44% masing-masing berbanding 60% sasaran yang ditetapkan.

27

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK LIVESTOCK SDN BHD – KURANG MEMUASKAN

Isu 4. Standard Operating Procedure/Manual Operasi Tidak Disediakan

I. Kesan dari Standard Operating Procedure/Manual Operasi Tidak Disediakan

- Kandang tidak disenggara dengan balk. Lantai kandang dipenuhi dengan tinja dan becak



Lokasi: Ladang RISDA Ulu Keratong, Johor
Tarikh: 11 Mac 2014



Lokasi: Ladang RISDA Gelung Pepuyu, Perak
Tarikh: 16 April 2014

28

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK LIVESTOCK SDN BHD – KURANG MEMUASKAN

Isu 4. Standard Operating Procedure/Manual Operasi Tidak Disediakan

II. Rekod Makanan Dan Ubatan Tidak Diselenggara

- Mengikut Panduan Menternak Lembu Pedaging Pekebun Kecil yang dikeluarkan oleh RISDA, pengurusan rekod adalah penting untuk memudahkan penilaian prestasi projek fidlot yang dilusahkan khususnya penilaian ke atas kos operasi fidlot berbanding keuntungan. Antara rekod penting adalah pemberian makanan, rekod kesihatan/ubatan dan rekod personal ternakan.
- Lawatan Audit pada bulan Mac dan April 2014 ke Ladang RISDA Durlan Mas, Gelung Pepuyu dan Ulu Keratong mendapati hanya fidlot Ulu Keratong sahaja yang menyelenggara rekod pemberian makanan dan kesihatan/ubatan.

29

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK LIVESTOCK SDN BHD – KURANG MEMUASKAN



Isu 4. Standard Operating Procedure/Manual Operasi Tidak Disediakan

III. Laporan Bulanan Populasi Lembu Tidak Tepat

- ELSB menggunakan Sistem Penternakan yang dibangunkan oleh Unit Teknologi Maklumat, ESPEK. Sistem ini digunakan bagi merekodkan jumlah lembu di sesebuah ladang, kelahiran, kematian, pembelian, jualan dan pergerakan lembu dari ladang ke ladang. Semakan Audit terhadap Laporan Populasi Ternakan pada bulan Mac 2014 mendapati berat lembu adalah tidak selari dengan usia. Ini disebabkan oleh maklumat ternakan tidak dikemas kini semasa perpindahan lembu dari ladang ke ladang. Pada umumnya lembu yang berumur 3 tahun ke atas mempunyai berat minimum 200kg. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

30

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK LIVESTOCK SDN BHD – KURANG MEMUASKAN



Isu 4. Standard Operating Procedure/Manual Operasi Tidak Disediakan

USIA LEMBU TIDAK SELARI DENGAN BERAT LAPORAN POPULASI TERNAKAN				
BIL.	LADANG	NO.TAG	USIA LEMBU	BERAT YANG DIREKODKAN (KG)
1	Bukit Kota	T0110	9 Tahun 2 bulan	113
2		T0147	8 Tahun 9 bulan	111
3		T0183	8 Tahun 8 bulan	104
4		B110326	6 Tahun 1 bulan	133
5		B110313	5 Tahun 3 bulan	65
6	Durian Mas	DMA306	5 Tahun 1 bulan	128
7		RB3312	4 Tahun 6 bulan	63
8		PC124	4 Tahun 4 bulan	90
9		PC120	4 Tahun 4 bulan	90
10		PC121	4 Tahun 2 bulan	90
11		PB741	3 Tahun 7 bulan	80
12		TK2786	3 Tahun 6 bulan	76
13		RB4088	3 Tahun 5 bulan	80
14		RB4053	3 Tahun 5 bulan	76
15		PB725	3 Tahun 5 bulan	89
16		PB728	3 Tahun 3 bulan	45
17		RB4087	3 Tahun 3 bulan	80
18		TK2701	3 Tahun 3 bulan	64
19		RB4143	3 Tahun 1 bulan	83
20		RB4163	3 Tahun 1 bulan	80
21		RB3102	3 Tahun 0 bulan	48
22		RB4135	1 Tahun 10 bulan	0

Sumber: Laporan Populasi Ternakan

31

4.2 PENGURUSAN AKTIVITI ESPEK LIVESTOCK SDN BHD - MEMUASKAN**Isu 4.****Standard Operating Procedure/Manual Operasi Tidak Disediakan
*Maklum Balas ESPEK Livestock***

- SOP/Manual Operasi Penternakan ELSB telah disediakan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah kali ke 48 pada 15 Mei 2014. Pengurusan kandang dan rekod berkaitan ternakan telah dinyatakan dalam SOP tersebut. Operasi pengesahan stok (stock verification) telah dijalankan pada bulan September 2014 untuk mengesahkan maklumat fizikal dan rekod di dalam sistem adalah sama.



**Sekian
Terima Kasih**

www.audit.gov.my

32

TAKLIMAT KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

TARIKH : 16 JUN 2015 (SELASA)
MASA : 11.00 PAGI
**TEMPAT : BILIK JAWATANKUASA 2,
BANGUNAN PARLIMEN**

PERKARA

- PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK SDN. BHD.
- PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK PLANTATIONS SDN. BHD.
- PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD.

ESPEK SDN BHD

AUDITOR GENERAL'S DASHBOARD

ESPEK SDN BHD

TAJUK	PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK
ISU	PENANAMAN SEMULA SAWIT
STATUS	 DALAM TINDAKAN
PENEMUAN	12 KAWASAN SELUAS 893 HEKTAR MEMPUNYAI POKOK >25 TAHUN PERLU DITANAM SEMULA

ULASAN

KAWASAN SIAP DITANAM SEMULA PADA TAHUN 2014

KAWASAN	8	67%
KELUASAN	658 HEKTAR	74 %



P02, PALONG



P04, PALONG



P20, PALONG



P21, PALONG



P22, PALONG



P23, PALONG



P03, ULU SEDILI



P06, ULU SEDILI

KAWASAN SEDANG DITANAM SEMULA 2015



KAWASAN	4
LUAS	235 HEK (26%)
TENDER	16 FEB 2015
TAWAR	22 MAC 2015



BENIH	36,500 POKOK
UMUR BENIH	8 BULAN
MULA KERJA	1 MEI 2015
MULA TANAM	OKTOBER 2015
SIAP TANAM	DISEMBER 2015

PROGRAM TANAM SEMULA DI P01, P24, P25 DAN
P26 DAN ANAK BENIH TERSEDIA DI LADANG RISDA
PALONG

ESPEK PLANTATIONS SDN BHD (EPSB)

AUDITOR GENERAL'S DASHBOARD

ESPEK PLANTATIONS SDN BHD

TAJUK	PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK PLANTATIONS SDN BHD
ISU	PRESTASI KEWANGAN AKTIVITI EPSB
STATUS	 SELESAI
PENEMUAN	TAHUN 2013 PERATUS PENCAPAIAN SASARAN BERKURANG KEPADA 97.4% KERANA KURANG MENDAPAT KONTRAK. 5 DARIPADA 10 AKTIVITI BELUM CAPAI KEUNTUNGAN YANG DISASARKAN.

ULASAN

- SASARAN 2013 TIDAK DICAPAI KERANA TIDAK MENDAPAT TENDER DISEBABKAN OLEH PERSAINGAN YANG SENGIT.
- MULAI 2014 SYARIKAT INDUK MELAKSANAKAN DASAR ‘RIGHT OF FIRST REFUSAL’ (ROFR) YANG MANA SYARIKAT MILIKAN RISDA (SMR) DIBERI KEUTAMAAN.
- SETAKATINI EPSB TELAH MENDAPAT 25 KONTRAK DARIPADA SYARIKAT INDUK BERJUMLAH RM127.3 JUTA IAITU 91% DARIPADA MATLAMAT TAHUNAN.

TAJUK	PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK PLANTATIONS SDN BHD
ISU	AKTIVITI PENUAIAN DAN PENGANGKUTAN BUAH TANDAN SEGAR (BTS).
STATUS	 SELESAI
PENEMUAN	PERGANTUNGAN KEPADA SYARIKAT INDUK DAN PENAWARAN KERJA KEPADA SUB KONTRAKTOR KERANA KEKURANGAN JENTERA DAN TENAGA KERJA TELAH MENYUMBANG KEPADA UNTUNG KASAR YANG KECIL.

ULASAN

- PADA TAHUN 2014 EPSB TELAH MENAMBAH JENTERA PERTANIAN DARI 20 KEPADA 41 BUAH DAN TENAGA KERJA DARIPADA 182 KEPADA 576 ORANG.
- PERTAMBAHAN JENTERA DAN TENAGA KERJA TELAH MEMBOLEHKAN EPSB MELAKSANAKAN SENDIRI KONTRAK YANG DIPEROLEHI SECARA BERPERINGKAT.
- KESANNYA, EPSB TELAH BERJAYA MENINGKATKAN KEUNTUNGAN BAGI KERJA-KERJA PENUAIAN DARIPADA RM4.56/MT PADA TAHUN 2013 KEPADA RM6.43/MT PADA TAHUN 2014.
- SELAIN DARI ITU EPSB TELAH BERJAYA MENDAPAT KONTRAK DARI AGENSI LUAR IAITU DARI KESEDAR DAN LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN PAHANG (LKPP).

ESPEK LIVESTOCK SDN BHD

(ELSB)

AUDITOR GENERAL'S DASHBOARD

ESPEK LIVESTOCK SDN BHD

TAJUK	PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD.
ISU	HASIL JUALAN MENURUN
STATUS	 DALAM TINDAKAN
PENEMUAN	HASIL MENURUN SEJUMLAH RM0.60 JUTA ATAU 8% KEPADA RM6.92 JUTA PADA TAHUN 2012 DAN SEJUMLAH RM0.49 JUTA ATAU 7.1% KEPADA RM6.43 JUTA PADA TAHUN 2013 BERBANDING TAHUN SEBELUMNYA.

ULASAN

HASIL JUALAN MENURUN DISEBABKAN OLEH:

- I. HARGA JUALAN MENURUN; DAN**
- II. PENAMBAHAN JUALAN SECARA SUBSIDI KEPADA PEKEBUN KECIL DI BAWAH PROGRAM AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN RISDA.**

TAHUN	JUALAN LEMBU			JUALAN KEPADA PEKEBUN KECIL					JANGKAAN PENDAPATAN (RM)
	BIL	PURATA RM/EKOR	NILAI (RM)	BIL	RM/EKOR (HARGA SUBSIDI)	NILAI (RM) (HARGA SUBSIDI)	*PURATA RM/EKOR (PASARAN)	NILAI PASARAN (RM)	
2011	1,899	3,960.25	7,520,515	15	1,500	22,500	2,500	37,500	7,535,515
2012	2,217	3,122.09	6,921,674	478		717,000	2,750	1,314,500	7,519,174
2013	2,191	2,934.06	6,428,526	0		0	0	0	0
2014	3,052	2,882.52	8,797,451	6		9,000	2,800	16,800	8,805,251

*NOTA: BERDASARKAN HARGA PASARAN PADA TAHUN BERKENAAN.

TAJUK	PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD.
ISU	KADAR KELAHIRAN TIDAK CAPAI SASARAN I. LEMBU INTEGRASI II. PROGRAM LEMBU RISDA (PLR)
STATUS	 DALAM TINDAKAN
PENEMUAN	I. KADAR KELAHIRAN TAHUN 2012 SEBANYAK 34.8% DAN 38.4% BAGI TAHUN 2013 TIDAK CAPAI BERBANDING KADAR DITETAPKAN OLEH RISDA 60%. II. KADAR KELAHIRAN TAHUN 2010 SEBANYAK 33.3%, 40.3% TAHUN 2011 DAN 44% TAHUN 2012 TIDAK CAPAI SASARAN IAITU MASING-MASING 45% DAN 60%.

ULASAN

KADAR KELAHIRAN RENDAH DISEBABKAN OLEH KAWASAN RAGUTAN TERHAD, PROSES PENYESUAIAN LEMBU BRAHMAN YANG PANJANG DAN INDUK YANG TUA DAN TIDAK PRODUKTIF.

TAHUN	LUAS KAWASAN RAGUTAN (HEKTAR)
2011	19,789.00
2012	9,793.62
2013	10,561.38

TAHUN	PEMBELIAN LEMBU DI BAWAH PROGRAM EPP5	
	LEMBU JANTAN	LEMBU BETINA
2013	35	700
2014	5	600
2015	-	400

TAJUK	PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK LIVESTOCK SDN. BHD.
ISU	<ul style="list-style-type: none"> I. PENTERNAKAN KAMBING BOER MENGALAMI KERUGIAN II. KADAR KELAHIRAN KAMBING BOER TIDAK CAPAI SASARAN
STATUS	 DALAM TINDAKAN
PENEMUAN	<ul style="list-style-type: none"> I. KERUGIAN TAHUN 2011 HINGGA 2013 BERJUMLAH RM1.44 JUTA. PRESTASI JUALAN HANYA 43.5%. II. KADAR KELAHIRAN DI LADANG RISDA TANJUNG GENTING ADALAH 0.43:1 PADA 2011 DAN 0.90:1 PADA 2013 MANAKALA DI KG. AWAH 0.23:1 PADA 2011, 0.81:1 PADA 2012 DAN 0.92:1 TAHUN 2013 TIDAK CAPAI SASARAN 1:1.

ULASAN

HASIL JUALAN MENURUN DISEBABKAN OLEH PERSAINGAN HARGA KAMBING HIDUP DAN HARGA DAGING IMPORT.

TAHUN	HARGA KAMBING HIDUP (RM/KG)		HARGA DAGING (RM/KG)	
	TEMPATAN	IMPORT	TEMPATAN	IMPORT
2011	20	15	30	25
2012	25	15	35	30
2013	25	15	35	30

KERUGIAN PROJEK KAMBING BOER TELAH DIBAWA KEPADA MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH DAN RISDA. RISDA MEMUTUSKAN ELSB DITAMATKAN SEBAGAI AGEN PENGURUSAN DAN PROJEK DILUPUSKAN SECARA JUALAN LELONG.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

LATAR BELAKANG SYARIKAT

JAKIM AUDIT NEGARA
MALAYSIA

1

RISDA

**RISDA BINA
SDN BHD**

Modal dibenarkan – RM5,000,000
Modal berbayar – RM2,020,000

- Pada asalnya RISDA Bina diwujudkan sebagai Waktu Cerah Sdn Bhd (WCSB). WCSB ditubuhkan pada 26 Ogos 1993 di bawah Akta Syarikat 1965.
- Pada 10 Mei 2006, WCSB telah dijadikan anak syarikat RISDA sepenuhnya dan dikenali sebagai Benaris Property Sdn Bhd (BPSB).
- Pada 29 Mac 2011, BPSB telah ditukar nama kepada RISDA Bina Sdn Bhd.
- RISDA memiliki 100% saham syarikat.
- Fungsi utama RISDA Bina ialah sebagai Syarikat Milikan RISDA yang bertanggungjawab dalam membangunkan tanah milik RISDA yang berpotensi.
- Aktiviti utama RISDA Bina adalah sebagai pemaju harta tanah, kontraktor dan juga perunding pengurusan projek.

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

JAKIM AUDIT NEGARA
MALAYSIA

2

Pengurusan Syarikat RISDA Bina Sdn. Berhad

Prestasi Keseluruhan

Prestasi kewangan, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan RISDA Bina adalah **baik**. RISDA Bina mencatatkan keuntungan selepas cukai dari tahun 2009 sehingga 2010 daripada RM0.14 juta kepada RM0.65 juta. Sehingga tahun 2013, RISDA Bina mencatatkan keuntungan terkumpul sejumlah RM10.16 juta. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan.


Tahun	Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)
2009	1.26	1.12
2010	3.82	2.87
2011	0.86	1.05
2012	6.00	5.95
2013	12.45	10.12

PRESTASI KEWANGAN



**PRESTASI KEWANGAN RISDA BINA
BAGI TAHUN KEWANGAN 2009 SEHINGGA 2013**

BUTIRAN	TAHUN KEWANGAN				
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Pendapatan (Termasuk pendapatan lain)	1,262,216	3,619,399	951,842	6,027,012	12,425,642
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Tahun Semasa	144,641	647,769	(99,961)	668,878	2,293,435
Jumlah Aset	20,790,666	21,069,908	19,970,070	23,127,132	27,235,564
Jumlah Liabiliti	10,065,110	9,725,469	8,822,754	13,139,907	15,055,904
Keuntungan Terkumpul	8,705,556	9,324,439	9,127,316	7,967,225	10,159,660
Nisbah Semasa (Aset Semasa/Liabiliti Semasa)	0.29 : 1	0.47 : 1	1.98 : 1	2.95 : 1	9.52 : 1
Margin Untung Bersih (%)	11.5	17.9	(10.5)	11.1	18.5
Pulangan Ke Atas Aset (%)	0.7	3.1	(0.5)	2.9	8.4
Pulangan Atas Ekuiti (%)	7.2	32.1	(4.9)	33.1	113.5
Nisbah Hutang (%)	48.4	46.2	44.2	56.8	55.3



PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

5 ▪ Projek Fasa 2A – Pembinaan 27 Unit Rumah Kedai Dan 3 unit Kilang lewat disiapkan dan pertambahan kos sejumlah RM442,637 atau 6% daripada kos asal kontrak.

Penemuan	Kesan
<ul style="list-style-type: none"> Tarikh siap pembinaan adalah pada 3 November 2012, namun projek ini hanya siap pada 31 Julai 2013 melibatkan: <ol style="list-style-type: none"> 3 kali lanjutan masa selama 407 hari 20 Arahan Perubahan Kerja 	<ul style="list-style-type: none"> Pertambahan kos sejumlah RM442,637 atau 6% daripada kos asal kontrak.
Maklum balas	

Pertambahan kos disebabkan kerja tidak terdapat dalam kontrak asal, kerja di luar jangka dan permintaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Perkara ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pada 15 April 2014.

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

6 ▪ Projek Fasa 3A –Pembinaan 122 unit rumah yang sepatutnya siap pada 16 Jun 2014 mengalami kelewatan. Kemajuan projek setakat bulan Mac 2015 hanya 89% siap.

Penemuan	Kesan
<ul style="list-style-type: none"> Lanjutan masa selama 54 hari telah diluluskan pada 26 Ogos 2014. Kontraktor masih gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. 	<ul style="list-style-type: none"> LAD sejumlah RM364,850 telah dikenakan kepada kontraktor dan ditolak daripada bayaran interim.
Maklum balas	

RISDA Bina telah mengeluarkan Surat Penamatan Kerja kepada kontraktor pada 31 Mac 2015 dan Mesyuarat Lembaga Tender telah melantik Syarikat Sanjungan Cekap Sdn Bhd sebagai kontraktor baru pada 24 April 2015.

PRESTASI AKTIVITI
Projek Fasa 3A - Gagal Disiapkan, Prestasi Jualan Rumah Agak Perlahan
Dan Pendapatan Tidak Mencapai Sasaran



Projek Fasa 3A





Lokasi: Taman Cindai Jaya, Sungai Petani, Kedah.
 Tarikh: 19 Ogos 2014

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH



8 ▪ **Prestasi jualan projek Fasa 3A tidak menggalakkan.**

Penemuan	Kesan
<ul style="list-style-type: none"> • Setakat bulan Mac 2015, hanya 38 unit rumah dari 122 unit berjaya dijual dan Sales and Purchase Agreement telah ditandatangani oleh pembeli. 20 unit lagi menunggu kelulusan pinjaman 	<ul style="list-style-type: none"> • Sasaran pendapatan syarikat tidak dapat dicapai
	
Maklum balas	
<p><i>Pelanggan menarik diri disebabkan pajakan tanah berbaki 70 tahun. RISDA Bina telah membuat permohonan penukaran status tanah kepada pegangan bebas namun masih dalam pertimbangan Kerajaan Negeri.</i></p>	

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

9 ■ Pencerobohan 17 setinggan di tapak kolam takungan.

Penemuan	Kesan
<ul style="list-style-type: none"> Kolam takungan di tapak pembinaan Taman Cindai Jaya belum dibina. Kerja pembinaan kolam ini tidak dapat dilaksanakan disebabkan pencerobohan oleh 17 setinggan. 	<ul style="list-style-type: none"> Kerja pembinaan kolam takungan tidak dapat dilaksanakan.
Maklum balas	

Pembinaan kolam takungan akan hanya dibuat pada akhir pembangunan projek perumahan ini. Untuk pengosongan tanah oleh setinggan pada 10 Oktober 2014, RISDA Bina telah mengarahkan peguam untuk memohon 'Bailif' daripada Mahkamah Tinggi Malaya Alor Setar untuk tindakan pengosongan tanah tersebut. Mahkamah Tinggi Malaya Alor Setar telah menetapkan tarikh pada 5 April 2015 untuk pihak Bailif menyerahkan Perintah Pelaksanaan Pemilikan dan Notis Pengosongan. Notis pengosongan kali kedua telah diserahkan kepada penduduk pada 6 Mei 2015. Pihak mahkamah telah menetapkan tarikh pelaksanaan pada 7 Jun 2015 bagi melaksanakan perintah pemilikan

10 ■ Pencerobohan Tapak Kolam Takungan Oleh Setinggan

PENGURUSAN AKTIVITI
Tapak Kolam Takungan Yang Diduduki Oleh Setinggan

Setinggan Di Tapak Kolam Takungan





Lokasi: Taman Cindai Jaya, Daerah Sungai Petani, Kedah
Tarikh: 19 Ogos 2014

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

11 ▪ Dokumen kontrak lewat ditandatangani antara 11 hingga 33 bulan daripada tarikh surat setuju terima.

Penemuan

- 2 kontrak bagi pembinaan di Lot 14214 Mukim Sungai Petani lewat tandatangan melebihi tempoh 4 bulan dari tarikh setuju terima .

Kesan

- Kepentingan syarikat tidak dilindungi.

Maklum balas

Satu pekeliling dalaman telah dikeluarkan pada 10 April 2015 bagi memastikan dokumen kontrak perlu disediakan secepat mungkin sebelum pembayaran pertama dilakukan.

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

12 ▪ Aktiviti pemasaran yang dilaksanakan belum mampu menarik minat pembeli.

Penemuan

- Aktiviti pemasaran yang dilaksanakan masih belum mampu menarik minat pembeli berdasarkan prestasi jualan yang rendah walaupun telah menggunakan sebanyak 50.7% peruntukan perbelanjaan pemasaran.

Kesan

- Sehingga Mac 2015, hanya 38 unit rumah daripada 122 unit berjaya dijual dan pembeli telah menandatangani Surat Perjanjian Jual Beli.

Maklum balas

RISDA Bina telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan aktiviti jualan antaranya melantik 2 kakitangan pemasaran sepenuh masa yang ditempatkan di pejabat jualan di Sg. Petani dan menjalankan aktiviti berpusat seperti pra-pelancaran jualan, pembukaan rumah contoh, rumah terbuka Aidilfitri, pengedaran pamphlet di tol, pembukaan booth di pasar raya, penerangan di agensi Kerajaan dan pejabat RISDA. Selain itu, agen jualan dan pemasaran juga dilantik.

**LATAR BELAKANG
KOLEJ RISDA**

1

The diagram illustrates the growth of Kolej RISDA through three stages:

- 1999:** A circular logo containing the letters "KKUJU".
- 2000:** A green logo featuring a stylized plant and the text "RISDA".
- 2014:** The current logo, which includes the text "KOLEJ RISDA" and "KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS MALAYSIA".

KOLEJ RISDA

- **Modal dibenarkan –RM25 juta**
- **Modal berbayar – RM15.5 juta**

• Ditubuhkan pada 8 Januari 1999 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan RISDA memiliki 100% saham syarikat

• Aktiviti utama - mengurus dan menjalankan institusi pendidikan tinggi yang menawarkan program latihan dan pendidikan di dalam pelbagai bidang pengajian yang dikenalpasti

• Mempunyai 5 kampus iaitu di Alor Gajah Melaka, Bukit Sireh Kelantan, Padang Rengas Perak, Pekan Awah Pahang dan Semporna Sabah

• Mulai 17 Jun 2014, Kolej RISDA telah dinamakan sebagai sebuah Kolej Universiti dan dikenali sebagai Kolej Universiti Agrosains Malaysia (KUAM).

2

PIAH BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

Pengurusan Syarikat Kolej RISDA Sdn. Berhad

Prestasi Keseluruhan

Prestasi kewangan dan tadbir urus korporat Kolej RISDA bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah baik. Kolej RISDA mencatatkan keuntungan selepas cukai 5 tahun berturut-turut. Sehingga 31 Disember 2013, keuntungan terkumpul Kolej RISDA berjumlah RM10.28 juta. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan adalah pada tahap memuaskan.

3 PRESTASI KEWANGAN



BUTIRAN	2009	2010	2011	2012	2013
Keuntungan Terkumpul	8,853,173	8,443,818	9,080,951	9,632,804	10,277,821
Keuntungan Bersih Tahun Semasa	854,935	858,720	847,133	640,753	873,917
Nisbah Modal Bersih	4.36:1	4.87:1	13.96:1	10.38:1	9.10:1
Nisbah Semasa	4.22:1	4.76:1	14.51:1	10.22:1	9.57:1
Margin Untung Bersih (%)	7.9	7.9	7.7	4.9	5.9
Pulangan Atas Aset (%)	7.2	7.2	3.2	2.3	3.0
Pulangan Atas Ekuiti (%)	342	81.8	5.6	4.2	5.7
Nisbah Hutang (%)	22.9	20.5	7.2	9.6	11.0

4 Pengurusan Syarikat Kolej RISDA Sdn. Berhad



- Peratusan pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian adalah tinggi iaitu antara 21.6% sehingga 28.8%.

Penemuan	Kesan
Bilangan pelajar yang gagal, berhenti dan tidak bergraduat bagi sesi konvokesyen tahun 2012 sehingga 2014 semakin meningkat antara 21.6% hingga 28.8%.	<p>KPI yang telah ditetapkan iaitu 5% tidak tercapai</p> <p>Maklum balas</p>
<p><i>Pelajar berhenti dan gagal meneruskan pengajian kerana telah menerima tawaran IPTA untuk second intake. Terdapat juga pelajar yang menangguhkan pengajian akibat kemalangan, masalah kesihatan, kewangan dan bekerja. Bagaimanapun, Kolej RISDA berjaya mengekalkan peratusan pelajar yang gagal setiap semester kurang daripada 2% mengikut KPI.</i></p>	



Pengurusan Syarikat Kolej RISDA Sdn. Berhad



7. ■ Prestasi ejen kutipan hutang tidak memuaskan

Penemuan	Kesan
Prestasi ejen yang dilantik untuk mengutip hutang tidak memuaskan kerana hanya dapat mengutip kurang daripada 5% daripada jumlah penghutang RM4.22 juta.	→ Maklum balas
<i>Kolej RISDA akan memperbaharui kontrak ejen kutipan hutang yang aktif sahaja. Bagi pelajar yang telah tamat pengajian, Kolej RISDA akan menyediakan pangkalan data untuk kutipan hutang dan juga tindakan mahkamah sekiranya perlu.</i>	